

Volume II
No. 36



Thursday
9th December, 1965

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

SECOND SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT
OF MALAYSIA

CONTENTS

BILL:

The Supply Bill, 1966—

Committee of Supply (Eleventh Allotted Day)—

Head S. 52 [Col. 5221]
Head S. 53 [Col. 5221]
Head S. 54 [Col. 5221]
Head S. 55 [Col. 5221]
Head S. 56 [Col. 5221]
Head S. 57 [Col. 5221]
Head S. 58 [Col. 5221]
Head S. 59 [Col. 5221]
Head S. 60 [Col. 5274]
Head S. 61 [Col. 5274]
Head S. 62 [Col. 5274]
Head S. 64 [Col. 5274]
Head S. 63 [Col. 5333]

MALAYSIA
DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Second Session of the Second Dewan Ra'ayat

Thursday, 9th December, 1965

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence, Minister of National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Education, ENCHE' MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Health, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister for Local Government and Housing, ENCHE' KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ the Minister for Sarawak Affairs, DATO' TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ the Minister of Lands and Mines, ENCHE' ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ the Assistant Minister of National and Rural Development, ENCHE' SULAIMAN BIN BULON (Bagan Datoh).
- „ the Assistant Minister of Culture, Youth and Sports, DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ the Assistant Minister of Education, ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ the Assistant Minister of Finance, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Health, ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).

- The Honourable the Parliamentary Secretary to the Minister of Labour,
 ENCHE' LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ the Parliamentary Secretary to the Deputy Prime Minister,
 ENCHE' CHEN WING SUM (Damansara).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG (Sarawak).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, Dato' Bijaya di-Raja
 (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J.,
 P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kelantan Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ CHE' AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ O.K.K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ ENCHE' JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ ENCHE' CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN
 (Sarawak).
- „ ENCHE' C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ ENCHE' EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S.
 (Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID
 (Johor Bahru Timor).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
 (Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ ENCHE' STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN, A.M.N. (Raub).

- The Honourable ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN
(Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IKHWAN ZAINI (Sarawak).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ DATO' SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.
(Johor Tenggara).
- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
- „ ENCHE' KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ ENCHE' AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- „ ENCHE' MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ ENCHE' MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.
(Jelebu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.
(Kuala Langat).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ ENCHE' MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ ENCHE' MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH
(Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S.
(Sarawak).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N.,
J.P. (Sabak Bernam).
- „ ENCHE' MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- „ DATO' NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N.,
P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' NG FAH YAM (Batu Gajah).
- „ ENCHE' ONG KEE HUI (Sarawak).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N.
(Johor Bahru Barat).
- „ ENCHE' RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ ENCHE' SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB, P.I.S. (Muar Pantai).
- „ ENCHE' SIM BOON LIANG (Sarawak).
- „ ENCHE' SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ ENCHE' SOH AH TECK (Batu Pahat).

The Honourable ENCHE' SULEIMAN BIN ALI (Dungun).

- „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAI KUAN YANG (Kulim Bandar Bharu).
- „ ENCHE' TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ ENCHE' TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ ENCHE' TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ ENCHE' TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ ENCHE' TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

ABSENT:

The Honourable the Prime Minister, Minister of External Affairs and Minister of Culture, Youth and Sports, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).

- „ the Minister of Home Affairs and Minister of Justice, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungai Siput).
- „ the Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Minister of Information and Broadcasting, ENCHE' SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, TUAN HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, K.M.N., P.J.K. (Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN GUL AHMAD MIANJI (Pasir Mas Hulu).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ ENCHE' ABU BAKAR BIN HAMZAH (Bachok).
- „ ENCHE' ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ ENCHE' CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
- „ ENCHE' THOMAS KANA (Sarawak).
- „ ENCHE' KHOO PENG LOONG (Sarawak).
- „ DATO' KHOO SIAK CHIEW, P.D.K. (Sabah).

The Honourable ENCHE' EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).

„ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).

„ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).

„ ENCHE' LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

„ ENCHE' PETER LO SU YIN (Sabah).

„ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).

„ ENCHE' JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).

„ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).

„ DATO' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, P.M.K. (Pasir Puteh).

„ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).

„ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).

„ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).

„ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).

„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ ENCHE' SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).

„ ENCHE' SNG CHIN JOO (Sarawak).

„ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).

„ ENCHE' YEH PAO TZE (Sabah).

„ ENCHE' STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

PRAYERS

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

BILL

THE SUPPLY BILL, 1966

Order read for resumed consideration in Committee of Supply (Eleventh Allotted Day).

House accordingly resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

SCHEDULE

Heads S. 52-59—

Resumption of debate on Question:

That the sum of \$20,834,780 for Heads S. 52 to S. 59 inclusive stand part of the Schedule.

The Minister of Lands and Mines

(Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub): Tuan Pengerusi, menyambungkan ucapan saya sa-malam pagi ini saya suka-lah memberi penerangan berhubung dengan Kepala S. 54 dan Kepala² yang lain.

Mengenai Kepala S. 54 tugas Jabatan Galian ia-lah mengawal serta mengawasi pekerjaan melombong dan penyiataan atau pun "Prospecting". Ia juga bertanggung-jawab pada melaksanakan Undang² dan Peratoran² Perlombongan. Bahagian Penyelidek, jabatan ini sentiasa berikhtiar menchari jalan bagaimana-kah hasil bumi dapat di-chari dengan sa-penoh-nya dengan mengadakan berbagai² chara baharu untuk melombong. Di-samping itu, Jabatan ini juga bersama² dengan Jabatan Kajibumi, mengendalikan Pasokan Pengorek Penyelidekan Galian atau pun Mineral Investigation Drilling Unit. Pasokan ini menjalankan penyelidekan di-kawasan² reserve orang² Melayu dan juga lain² kawasan di-mana galian mungkin boleh didapati yang di-kehendaki untuk pembangunan bagi seluroh negara sa-bagaimana yang telah di-sebutkan di-bawah Kepala S. 52 tadi.

Bagi tahun 1966 perbelanjaan sa-banyak \$1,263,850 di-bawah Kepala S. 54 telah di-anggarkan berbanding dengan \$1,260,342 bagi tahun 1965. Ini menunjukkan kenaikan perbelanjaan sa-banyak hanya \$3,508 sahaja.

Kenaikan yang sangat sedikit ini adalah disebabkan oleh dasar jimat-chermat yang di-amalkan oleh Jabatan ini dalam perbelanjaan di-bawah Perbelanjaan yang Berulang Tiap² Tahun dan Perbelanjaan Khas dalam Jabatan ini. Ia-itu masing²-nya berkurangan sebanyak \$36,360 dan \$773 berbanding dengan perbelanjaan² bagi tahun 1965 manakala perbelanjaan di-bawah Gaji pula ada-lah bertambah sa-banyak \$40,641.

Bijeh timah maseh merupakan hasil galian yang utama di-negeri kita ini dan maseh menjadi salah satu daripada tiang ekonomi negara kita. Pada keselurohan-nya harga timah dalam masa 9 bulan yang lalu dalam tahun ini ia-lah \$703.17 sa-pikul ia-itu lebih kurang \$84 lebih tinggi daripada harga pada keselurohan-nya bagi tahun yang lalu. Mengikut harga yang tinggi ini akan berlanjutan sa-hingga dalam tahun 1966, dan harapan pada masa hadapan-nya ada-lah baik.

Sa-lepas timah, maka galian² yang penting ia-lah bijeh besi dan bauxite. Pengeluaran bauxite dalam tahun 1966 ada-lah di-jangka dapat di-kekalkan seperti pengeluaran-nya pada masa sekarang manakala pengeluaran bijeh besi pula ada-lah di-jangka akan turun kerana di-sebabkan kurang pasaran dan juga oleh kerana merosot-nya simpanan jenis² bijeh besi yang boleh di-ekspot.

Perwargenegaraan Jabatan ini telah sempurna di-laksanakan dengan memuaskan hati dapa lhb Julai, 1965. Yang menjadi Chief Inspector of Mines yang pertama sa-kali sa-orang anak Melayu di-sini, ia-lah Enche' Salleh. Dan kapada beliau itu saya suka-lah menguchap tahniah atas lantekan-nya. Sungguh pun bagitu, ada juga sa-orang pakar "Colombo Plan" yang sedang berkhidmat di-dalam Bahagian Penyelidikan.

Sekarang saya berbalek kapada S. 55 keperluan² kakitangan Teknik Jabatan Ukor telah dapat di-chapai mengikut perengkat tahun 1964, kechuali kakitangan tambahan yang telah di-luluskan dalam pertengahan tahun 1965 ia-itu kakitangan untuk

Pengarah Pemetaan Negara. Ada-lah di-jangka bahawa keperluan² kakitangan tersebut akan berkekalan di-perengkat yang ada sekarang ini untuk beberapa waktu yang akan datang lagi.

Kepala S. 55

Jabatan² baharu yang telah diadakan bagi tahun 1966 hanya-lah sa-orang cartographer, sa-orang photolithographer, dua orang Pembantu Teknik, Special Grade, sa-orang Kerani Perkhidmatan Negeri Trengganu, 8 orang Juru Teknik, Special Grade, 2 orang Juru-tiap, sa-orang Penyelenggara Setor, sa-orang Junior Draftsman, sa-orang Penyelenggara Bilek Rekod, sa-orang Pelayan Pejabat dan 8 orang lagi Pengawal Pejabat. Jawatan² baharu yang tersebut di-adakan dengan di-potong jawatan² sa-orang Juru Ukur Tingkatan-tertinggi "H" (Supernumerary) sa-orang Juru Ukur Tingkatan-biasa juga tambah sementara 2 orang Pembantu Teknik dan 8 orang Juru Teknik.

Jumlah kenaikan perbelanjaan di-bawah gaji daripada \$7,047,227—(tidak termasuk peruntokan untuk Singapura bagi tahun 1965) jadi \$7,425,919—ia-lah di-sebabkan oleh kenaikan gaji biasa, dan juga kerana peruntokan gaji dan sa-bagai-nya bagi kakitangan Pengarah Pemetaan Negara, Malaysia.

Kekurangan perbelanjaan bagi "Cadastral" dan "Topographical Survey" ada-lah di-sebabkan oleh rancangan² kemajuan tanah berkurangan serta penggunaan chara menyukat dari udara bagi pemetaan topo telah bertambah. Ini di-gantikan dengan menambahkan perbelanjaan Ibu-Pejabat. Kekurangan perbelanjaan di-bawah Perbelanjaan Khas ia-lah di-sebabkan oleh dasar jimat-chermat pada membeli alat² dan mesin. Peruntokan sa-banyak \$18,600—di-bawah Butir (15) ia-lah perbelanjaan untuk sa-orang Pegawai Penyelidik Peta yang di-pinjamkan kapada Pengarah Pemetaan Negara yang di-tugaskan supaya mengator serta menubuhkan sa-buah Perpustakaan Peta dan juga untuk melateh sa-orang pegawai tempatan

yang kelak akan mengambil alih jawatan "Pegawai Penyelidik Peta" tersebut.

Kepala S. 56

Berkenuan dengan Kepala S. 56, Kajibumi bagi Negeri² Tanah Melayu. Anggaran perbelanjaan bagi Jabatan ini pada keseluruhan-nya menunjokkan kekurangan sa-banyak \$73,092 daripada tahun 1965. Perekonomian yang di-paksakan kepada jabatan ini pasti akan menyentuhkan kerja luar dan penyiasatan penilaian galian yang dapat di-laksanakan.

Jabatan ini telah pun selesai membuat penyiasatan tinjauan di-seluruh negara, tetapi maseh lagi menjalankan ranchangan pemetaan asasi dengan chara sistematik yang panjang mengenai kajibumi dan juga galian di-negara ini di-perengkat yang lebeh mendalam lagi. Di-samping itu, Tuan Pengerusi, Jabatan ini sedang menambahkan lagi bilangan dan keluasan penyiasatan jangka pendek dalam bidang penyiasatan galian yang economic atau pun yang beriktisad dan juga penyiasatan tapak untok ranchangan hydro-electric dan pekerjaan pengayer dan juga pembekalan ayer bagi kegunaan rumah² kita biasa dan untok kegunaan perusahaan². Dalam kegunaan yang kedua itu ada-lah di-jangka bahawa sa-kurang²-nya sa-orang daripada Pegawai Penyiasatan Kajibumi akan di-khaskan untok bahagian yang tertentu pada tahun 1966 akan datang, ia-itu dalam bahagian penyiasatan mengenai penambahan pembekalan ayer untok Kuala Lumpur dan kawasan² sekitar-nya.

Berhubung dengan ranchangan ini, ada-lah mungkin bahawa jalan bawah tanah (tunnel) beberapa batu panjang-nya akan terpaksa di-tebok menerusi gunung² dan laporan Penyiasatan Kajibumi itu akan menentukan sama ada chadangan² yang sedang di-timbangkan itu boleh di-laksanakan atau pun tidak.

Jabatan ini juga maseh lagi kekurangan kakitangan yang kanan. Bilangan kakitangan kajibumi yang baharu dalam tahun 1965 ada-lah sama dengan bilangan jawatan yang di-

kosongkan oleh kakitangan dengan di-bawah ranchangan perwarganegaraan. Hal ini menyebabkan kedudukan bilangan kakitangan jabatan ini pada keseluruhan-nya ada-lah sama saperti tahun 1965.

Daripada jumlah 32 orang pegawai² kanan ada sa-ramai 23 orang sahaja yang sedang bertugas di-Jabatan ini dan termasuklah 4 orang pegawai dagang. Dan daripada bilangan 23 orang itu pula, dua orang sedang mengambil kursus "post-graduate" di-seberang laut. Dua orang Mahasiswa Ranchangan Colombo di-jangka akan lulus pada awal tahun 1966 dan akan kembali ka-Malaysia ia-itu sa-orang sa-bagai Pegawai Kajibumi dan sa-orang lagi sa-bagai Ahli Kimia. Dengan itu maka Chawangan Kimiabumi akan mempunyai pegawai sa-chukup-nya. Tetapi Jabatan ini akan mengalami kekosongan sa-banyak 12 Jawatan Pegawai Kajibumi daripada sekarang hingga kepada tahun 1967 apabila Pegawai² dagang yang terakhir sa-kali akan meninggalkan Jabatan ini di-bawah ranchangan perwarganegaraan. Ada-lah di-harapkan bahawa jawatan² yang kosong itu akan dapat di-isikan oleh mahasiswa² lepasan Universiti Malaya dan juga Universiti sa-berang laut. Sunggoh pun bagitu patut di-sebutkan di-sini, Tuan Pengerusi, ia-itu sedikit benar penuntut² Malaysia yang mempelajari Ilmu Kajibumi sa-hingga kepada peringkat Ijazah "Honours".

Potongan peruntukan telah memaksa Jabatan ini meranchang sa-mula ranchangan pemetaan luar ka-setakat yang boleh dan mampu sahaja. Jabatan ini akan menumpukan kegiatan-nya di-bidang penyiasatan penilaian galian di-kawasan yang di-chadangkan untok ranchangan tanah yang besar² dan dalam hubungan ini akan menjalankan penyiasatan² pada membuat tinjauan, yang lebeh luas lagi daripada masa yang sudah². Dan lagi jabatan ini akan berhubung rapat dengan Solls Science Division dalam Jabatan Pertanian dan dengan berbuat demikian pemereksaan di-ma'mal Jabatan Kajibumi terhadap chontoh² tanah yang di-perolehi oleh Soils Survey Division tadi yang mungkin

mengandongi galian² dan yang sa-takat ini belum di-pereksa, akan dapat dibuat tanpa perbelanjaan yang besar. Perlengkapan X-ray yang baharu diperolehi itu akan membolehkan Jabatan ini membuat penilaian-nya terhadap chontoh² tanah yang lebeh chepat dan memuaskan lagi.

Kepala S. 57

Mengenai Kepala S. 57 ia-itu Kehutanan, Tuan Pengerusi, Ahli² Yang Berhormat sakalian akan dapati anggaran perbelanjaan bagi Jabatan ini bagi tahun 1966 bertambah sa-banyak \$100,404 berbanding dengan perbelanjaan bagi tahun 1965 ini. Perbelanjaan yang lebeh itu ada-lah di-kehendaki bagi membayar gaji pegawai baharu dan bagi perbelanjaan pentadbiran pejabat, pembelian tanaman, membayar gaji buroh² sambilan yang di-tugaskan dalam ladang perchubaaan dan perbelanjaan pengangkutan dan perbelanjaan bagi pegawai² baharu.

Sa-lain daripada kenaikan gaji biasa maka perbelanjaan ada-lah juga perlu bagi membayar gaji² bagi 5 Jawatan yang baharu dalam Bahagian I ia-itu:

- (i) 1 orang Penolong Ketua Pemelihara Hutan;
- (ii) 1 Pegawai Penyelidek;
- (iii) 1 orang Ahli Kimia;
- (iv) 2 orang Pegawai Penyelidek Sementara,

dan juga satu jawatan Penolong Rendah Ketua Pemelihara Hutan Bahagian II dan 12 orang kaki-tangan pembantu dalam Bahagian III dan Bahagian IV.

Daripada jawatan² tersebut itu, dua Pegawai Penyelidek Sementara, 5 orang Juru Teknik dalam Bahagian III dan sa-orang Jurutaip akan dilantek sa-chara sementara bagi menyegerakan lagi penglaksanaan kerja² penyiasatan isi hutan yang di-jalankan bersama² dengan Pembahagian Kebolehan Tanah atau pun (Land Capability Classification) yang sedang di-kerjakan oleh Bahagian Perancang Economic Tambahan kaki-tangan tersebut ada-lah sekarang sedang menjalankan kerja² Penyiasatan Isi Hutan itu, di-dapati tidak menchukupi bagi menyegerakan lagi kerja² itu.

Jawatan Penolong Ketua Pemelihara Hutan ada-lah di-kehendaki untuk membantu Ibu Pejabat Hutan bagi mengelolakan perkembangan yang di-kerjakan di-Bahagian Luar. Pegawai² dalam Bahagian I yang lain² itu akan di-tempatkan dalam chawangan Penyelidekan di-bawah Jabatan ini. Penolong Pemelihara Hutan akan di-tugaskan di-Sekolah Perhutanan untuk memaju serta meningkatkan mutu pelajaran dan chara mengajar di-sana. Pegawai² lain dalam Bahagian III dan IV di-tugaskan untuk membantu pegawai² baharu Bahagian I dalam Chawangan Penyelidekan.

Kepala S. 58—

Berkenaan dengan Kepala S. 58 pula, ia-itu mergastua, di-bawah Jabatan ini ada-lah jabatan yang kechil sa-kali di-Kementerian saya dan akan membelanjakan chuma \$221,674 sahaja bagi tahun 1966 dan angka itu ada-lah lebeh sa-banyak hanya \$4,449 daripada tahun 1965 ini.

Tahun 1966 ada-lah tahun yang sibok sa-kali bagi Jabatan ini. Oleh kerana pembangunan luar bandar dan pembangunan² lain di-bawah Rancangan Malaysia berjalan lancar dan dengan pesat-nya maka banyaklah kawasan² hutan yang telah di-bersehhkan untuk pertanian dan dengan sebab itu juga binatang² liar yang berasal dari kawasan² tersebut akan kembali ka-tempat² yang telah, bertanam serta merosakkan tanaman² di-situ. Tugas penting jabatan ini ia-lah melindungi binatang² itu di-samping mempertahankan jiwa manusia dan harta benda daripada anchaman yang di-datangkan oleh binatang² tersebut. Pada keselurohan-nya tugas penting jabatan ini ia-lah memelihara dan juga mengawal binatang² liar.

Kepala S. 59—

Berhubung dengan Kepala S. 59—Orang Asli—Jumlah anggaran perbelanjaan bagi tahun 1966 ia-lah \$1,919,010 Tambahan sa-banyak \$64,454 itu ada-lah perbelanjaan gaji sahaja. Peruntukan bagi Butiran² di-dalam lain² pechahan-kepala tidak berubah atau pun di-kurangkan.

Sa-banyak \$72,973 di-tambah bagi peruntukan gaji kerana jawatan² baharu yang tersebut ini. Sa-orang Timbalan Pesuruhjaya Orang Asli (Bahagian Penyelidikan), sa-orang Kerani dan 18 Pembantu Orang Asli, dan juga pindaan dan kenaikan gaji biasa. Satu jawatan Timbalan Pesuruhjaya Orang Asli (Penyelidikan) terpaksa di-adakan oleh kerana sa-orang penuntut di-University Australia akan kembali. Dengan itu Jabatan ini boleh-lah menubuhkan satu bahagian penyelidikan yang telah lama diperlukan itu. Tambahan 18 jawatan Pembantu Orang Asli ada-lah mustahak oleh kerana perkembangan kemudahan² perubatan dan perbelanjaan untuk Orang Asli.

Sa-banyak \$7,869 telah di-kurangkan di-dalam lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun. Sa-banyak \$10,000 telah di-tambah untuk Butiran (12) "Kebajikan Orang² Asli" di-bawah Pechahan-kepala 2. Perbelanjaan di-bawah butiran ini ia-lah untuk membeli makanan untuk Orang² Asli yang sakit di-hospital, di-Gombak dan di-Kuala Lipis dan budak² sekolah dan juga pakaian² seragam budak² sekolah dan Kebajikan 'Am. Di-dapati pada tahun ini pada tiap² hari ada 250 orang sakit di-hospital² tersebut dan di-dalam tahun 1966 dengan ada-nya lagi wad² atau pun bilek² baharu orang² sakit akan bertambah lagi dengan lebih kurang 20%. Tahun ini juga di-dapati jumlah lebih daripada 3,500 budak² sekolah dan di-dalam tahun 1966 dengan ada-nya tiga buah sekolah baharu, maka jumlah murid² tentu akan bertambah lagi.

Di-bawah Butiran (13) Pechahan-kepala 3 sa-banyak \$3,500 telah disediakan untuk membeli dua buah motor-bot dan dua buah enjin tiap² satu mempunyai tenaga 25 kuda atau pun horse power. Sa-buah daripada motor bot itu berharga \$2,100 untuk di-gunakan di-Negeri Kelantan. Dan sa-buah lagi berharga \$1,400 untuk di-gunakan di-Sungei Tembeling, Negeri Pahang.

Tuan Pengerusi, sekian-lah sahaja penjelasan saya dan dengan ini saya mengemukakan supaya peruntukan di-

bawah Kementerian Hal Ehwal Tanah dan Galian ia-itu Kepala S. 52 hingga berjumlah sa-banyak \$20,834,780 menjadi sa-bahagian daripada jadual Undang² Perbekalan Tahun 1965.

Terima kasih.

Tuan Haji Hussein bin Haji Mohd. Noordin (Parit): Tuan Pengerusi, saya suka berchakap berkenaan dengan Kepala S. 53. Pesuruhjaya Tanah Sub-head 1 dalam muka 180. Saya faham bahawa pentadbiran tanah ia-lah tanggong-jawab Kerajaan² Negeri. Tetapi saya perchaya dengan jasa baik Yang Berhormat Menteri Tanah dan Galian pentadbiran tanah di-tiap² Pejabat Daerah boleh-lah di-perbaiki lagi dan di-kemaskan perjalanan atau pekerjaan-nya yang terator. Oleh kerana dengan ada-nya Undang² Tanah yang baharu yang telah di-luluskan dalam Dewan ini dahulu, maka dapat-lah Pejabat² Tanah itu mengambil langkah² menyusun sa-mula pentadbiran-nya.

Tuan Pengerusi, semenjak pemerentahan Jepun, pentadbiran tanah di-Pejabat Daerah telah jatuh mutu-nya dan juga ini di-sebabkan oleh masa dharurat. Maka pemerentahan Jepun telah meninggalkan kita beberapa kesulitan banyak tanah transaction tidak atau belum lagi di-daftarkan. Dan sa-tengah² daerah di-dapati Mukim Register telah hilang. Saya telah mendapat tahu apabila kita mengadakan temu-duga waktu memilih peserta² dalam Tanah Pinggir atau F.L.D.A. atau Group Settlement di-dapati kebanyakan peserta² yang telah mendapat tanah itu semua tidak ada betul keterangan yang di-beri kepada pegawai² temu-duga. Jadi ini akan membangkitkan salah faham antara ra'ayat dengan pegawai² berkenaan. Dan ada-nya Emergency juga kerja² hendak di-susunkan pentadbiran tanah telah tergendala kerana menumpukan tugas mereka kepada Extensive Resettlement Programme. Maka bertambah²-lah lemah-nya perjalanan pentadbiran di-Pejabat² Tanah kerana kurang kaki-tangan dan pegawai² yang mahir dan juga terlatah.

Kesulitan² ini menimbulkan beberapa masaalah seperti arrears di-dalam Pendaftaran (Registration) atau pemohon² tanah tidak di-selesaikan bertahun², dan ini akan menyebabkan keluaran T.O.L. dengan tidak tentu. Jadi dalam T.O.L. ini juga saya hendak melanjutkan penerangan saya ia-itu banyak T.O.L. yang di-keluarkan di-dalam negeri pada masa sekarang ini belum lagi di-tentukan tanah itu ada-lah hendak di-keluarkan A.A. atau grant. Bahkan tanah itu sekarang pokok² buah²an-nya telah besar, setengah daripada tanah² T.O.L. telah pun di-tanamkan ia-itu di-tanamkan getah dan getah-nya pun telah boleh di-toreh pada masa sekarang. Dan juga Pejabat "Tanah Daerah" tidak dapat hendak menentukan maseh lagi ada-kah tanah ini di-bayar chara T.O.L. atau ada-kah tanah mengikut grant A.A. Dan ini saya perchaya tentu-lah sebab tidak ada satu arahan yang tetap berkenaan dengan Land Use Policy. Jadi dengan tidak-nya ada Land Use Policy atau arahan yang clear-cut maka itu sebab-nya kebanyakan T.O.L. telah keluar di-dalam Pejabat² Daerah. Pada masa sekarang ini ada juga kekurangan pegawai² kakitangan di-Pejabat² Tanah di-satengah² daerah.

Satu perkara lagi yang saya hendak sebutkan di-sini, Tuan Pengerusi, ia-lah berkenaan dengan C.L.M. di-tiap² negeri ia-itu Commissioner of Lands and Mines. Kebanyakan pegawai² ini ia-lah pegawai M.C.S. maka telah menjadi biasa-nya jawatan C.L.M. ini selalu-nya di-ganti oleh pegawai² M.C.S. yang lain oleh kerana pertukaran-nya ka-pejabat yang lain. Maka ini ada-lah satu pendapat saya, satu factor yang menyebabkan Land Administration bertambah² rumit. Dan saya suka menhadangkan semua C.L.M. tiap² negeri sa-patut-nya bertugas jawatan-nya sa-kurang² lamanya empat tahun baharu-lah boleh di-tukarkan mereka ka-tempat lain.

Maka dengan ini saya perchaya pegawai² ini boleh-lah bersungguh² menunjukkan kejayaan atau memajukan rancangan²-nya untuk mengatasi segala masaalah Land Administration, dan menyusun sa-mula dengan kejayaan

supaya mendapat result yang baik. Saya suka mengshorkan bahawa Pejabat Pesurohjaya di-tiap² negeri elok-lah di-perbesarkan dengan mempunyai kakitangan dan pegawai² yang mengadakan beberapa Senior Land Officer, atau senior pegawai tempatan. Tugas pegawai² ini, maksud saya ia-lah supaya mereka boleh melawat di-tiap² daerah dan menyusun pentadbiran pejabat tanah; dan memberi latehan atau kursus kepada kakitangan² yang di-dalam pejabat tersebut. Dan juga membuat apa² Recommendation atau laporan berkenaan langkah² patut di-ambil dengan segera di-atas kekurangan. Dan juga Recommendation ini boleh menjadi panduan kepada Kerajaan² Negeri untuk menjalankan tugas, menjalankan tindakan-nya di-atas Pegawai² dan kakitangan dan juga untuk mengatasi kesulitan ini berkenaan tanah daerah itu. Maka dengan ini dapat-lah Kerajaan mengambil langkah dengan segera. Dan juga oleh sebab kita telah mengadakan Uniformity of Land Code, maka saya perchaya masa-nya telah tiba untuk Kementerian ini memberi shor kepada Kerajaan² Negeri supaya Land Officer atau Pegawai Tempatan atau Settlement Officer di-masokkan ka-bawah Kementerian ini. Di-masa ini Land Officer dan juga pegawai² tempatan ia-lah kakitangan² Kerajaan Negeri. Jadi saya perchaya dengan ada-nya perubahan itu Land Officer dan State Settlement Officer di-bawah penjagaan Federal, maka dapat-lah mereka ini di-tukarkan ka-tempat lain supaya Pesurohjaya Tanah Kuala Lumpur di-dalam Kementerian ini dapat mengawasi dan melateh dan memberi kursus kepada mereka supaya kita dapat membaiki Land Administration yang pada sekarang ini tidak memuaskan. Terima kaseh.

Enche' Tama Weng Tinggang Wan (Sarawak): Tuan Pengerusi, saya bangun berchakap berkenaan dengan S. 52, Kementerian Hal Ehwal Tanah dan Galian dan muka 478, Butiran (23) jumlah wang, wang di-Sarawak—sa-banyak tahun 1965 ia-lah \$151,705 dalam tahun 1966 \$141,298. Maka apa-kah sebab-nya wang² ini di-beri kurang di-Sarawak pada tahun yang

akan datang. Tuan Pengerusi, saya dengan gembira wang² ini untuk membuat belanja memakai sukatan² tanah yang telah di-untokkan kepada ra'ayat tanaman berapa tahun dahulu.

Tuan Pengerusi, pendapatan saya di-Bahagian Keempat di-Sungai Beram, Sarawak, Malaysia ini, maka ada-lah tujuh peratus ra'ayat bumiputera yang di-hadapi sukatan tanah², kebun² getah, atau kebun² buah dan apa² yang tidak mereka yang akan tanam, atau pelihara binatang juga dan lagi, Tuan Pengerusi, ada juga kebun² yang telah sudah berpuluh² tahun yang belum mengambil surat², atau pun belum di-sukatkan, demikian juga kebun² yang di-tanaman di-masa pemegangan pemerintah Jepun dan juga yang tanaman sa-lepas pemerintah Jepun dan sampai sekarang ini belum ada surat.

Tuan Pengerusi, pada masa lima atau enam tahun yang lalu, baharu-lah ra'ayat dapat tahu yang sa-benar²-nya dan beberapa pokok² yang telah di-tebang oleh company² minyak, atau company² kayu, maka mereka yang empunya kebun² dia tadi ta' dapat di-da'awa oleh Kerajaan.

Tuan Pengerusi, ra'ayat bumiputera ada-lah diri-nya sendiri di-kehendaki meminta Kerajaan menyukat kebun² masing², ta' usaha-lah saya berchakap perchakapan yang sa-dalam² lagi dalam perkara yang tersebut, maka saya memberi satu harapan Kementerian kita supaya Kementerian diri-nya sendiri memberi bantuan untuk ra'ayat bumiputera supaya menetapkan tanaman oleh ra'ayat jelata dan harapan dengan timbangan di-atas bayaran chukai² di-atas ra'ayat bumiputera.

Tuan Pengerusi, saya mengharapkan dengan panjang lebar Kementerian Hal Ehwal Tanah dan Galian ini jangan-lah lupa kepada ra'ayat Malaysia di-Sarawak dan saya dengan menutupkan chakapan saya di-Dewan ini ada-lah ta' puas hati, Tuan Pengerusi, sa-lama²-nya saya dekat dua tahun telah dudok di-Dewan Ra'ayat, ta' ada saya mendengar nama ra'ayat bumiputera di-Sarawak, maka semua dimasokkan nama ia-lah Melayu, China, India, maka bumiputera Sarawak sa-

lama-nya tidak ada tersebut. Demikianlah, terima kaseh.

Tuan Haji Othman bin Haji Abdullah (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya bangun memberikan sokongan kepada peruntukan yang telah di-minta oleh Menteri yang berkenaan ini di-atas perbelanjaan yang telah di-kemukakan-nya di-dalam Dewan ini dan beliau telah pun memberikan ucapan² yang panjang daripada satu bahagian ka-satu bahagian daripada jabatan² di-bawah Kementerian-nya ini.

Saya tertarek hati kepada S. 53 tentang Pesuruhjaya Tanah yang sa-banyak sedikit-nya tadi sahabat saya daripada Parit telah pun menyentuh masaalah² tanah di-beberapa buah Negeri yang menjadi kerumitan yang patut di-atasi dengan sa-beberapa segera yang mungkin. Kalau hendak kita cheritakan, Tuan Pengerusi, beberapa kerumitan² yang timbul di-beberapa daerah, atau di-beberapa Negeri di-Malaysia ini tentang masaalah tanah, maka akan memakan masa yang terlalu panjang dan sa-tiap Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini mempunyai masaalah-nya sendiri berkenaan dengan tanah. Apa yang kita patut faham bahawa ra'ayat sekarang ini ada-lah memerlukan segala tanah mereka itu bukan sahaja tanah² baharu, tetapi tanah yang telah lama mereka punyai itu dapat di-beri surat², atau pun geran yang kekal kepada mereka, sebab²-nya kelambatan ini mungkin timbul oleh kerana kekurangan pegawai² kita yang bertugas dan seperti mana yang pernah kita alami juga bahawa C.L.M. tiap² sa-buah Negeri itu kadang² ta' sampai sa-tahun dia dudok di-situ, dia pindah ka-tempat lain dan kemudian menimbulkan beberapa lagi masaalah yang ta' dapat di-selesaikan.

Sa-bagai contoh, Tuan Pengerusi, ia-itu dalam kawasan saya di-Hilir Perak ini, ia-itu kawasan bendang, saya hairan dalam kawasan saya itu ada kawasan bendang ini yang telah ada bergeran dan ada pula kawasan yang belum ada bergeran, maseh lagi mempunyai tingkatan T.O.L. sudah bertahun² dan sudah berchuchu chichit

orang yang mempunyai tanah itu—tanah itu masih lagi T.O.L. Yang menjadi kerumitan timbul sekarang ini, bukan-lah masalah tanah itu tanah T.O.L. tetapi pada tahun 1957 Kerajaan Pusat telah memberi wang ganti rugi kepada penanam² padi yang mendapat kerugian pada tahun 1954 dan 1955 dan bahagian Hilir Perak dia mendapat peruntukan sa-banyak \$250,000 wang ganti rugi ini. Wang ganti rugi ini tidak semua-nya di-beri kepada petani² itu, tetapi di-simpan di-dalam satu lembaga yang ada dalam negeri Perak. Kemudian petani² ini boleh-lah meminta, atau meminjamkan wang itu kalau di-perlukan oleh petani² itu, tetapi sa-belum meminjam wang itu, petani ini mesti-lah menunjukkan geran-nya sa-bagai chagaran, pada hal sa-bahagian besar-nya boleh di-katakan mereka ini ada mempunyai tanah bendang, tetapi masih tidak mempunyai geran, pada hal wang yang di-simpan itu ia-lah wang mereka sendiri yang telah di-beri oleh Kerajaan sa-bagai ganti rugi mereka. Dalam pada itu pun wang yang \$250,000 kepada Hilir Perak ini masih berbaki lagi \$90,000 yang belum lagi di-serahkan kepada petani² yang ada di-Hilir Perak ini.

Jadi, dua masalah-nya sekarang ini, Tuan Pengerusi. Yang pertama wang baki \$90,000 masih belum di-serahkan kepada petani² yang berhak menerima-nya. Yang kedua, wang mereka itu di-simpan di-dalam satu tempat, satu lembaga yang kemungkinan petani itu meminta dan meminjam-nya ta' dapat, oleh kerana tanah mereka itu belum bergerak, pada hal hak mereka itu mendapat pinjaman, tetapi mesti ada chagaran, chagaran mesti ada geran, bagaimana orang ini dapat wang itu, kalau tanah-nya masih T.O.L.? Jadi, ini-lah masalah yang rumit, yang berlaku dalam kawasan saya, ini yang harus agak-nya juga di-kawasan² seperti saya itu timbul kerumitan² yang seperti itu. Jadi, saya harap, boleh jadi Kementerian ini akan dapat mengatasi masalah ini dengan sa-berapa segera yang mungkin bagi menyelesaikan kerumitan yang ada di-hadapan rakyat itu sendiri.

Yang kedua, oleh kerana kekurangan tanah atau pun oleh kerana keluarga itu bertambah, maka mereka pun meminta tanah dan tanah² itu masih lagi di-keluarkan sa-chara T.O.L. Manakala tanah itu di-keluarkan sa-chara T.O.L. orang kampung itu kebanyakan-nya tidak tahu ma'ana T.O.L. apa dia, tanam benda² yang tidak patut di-tanam mengikut Undang² T.O.L., dia tanam getah, dia tanam durian, dia tanam macham² di atas tanah T.O.L. itu, dia menganggap tanah T.O.L. itu telah di-punyai oleh-nya sendiri sebab telah menjadi hak-nya sendiri dan kemudian di-jual atau pun apabila dia kurang sedikit belanja boleh di-jual-nya kepada orang lain. Jadi saya rasa untuk mengatasi masalah ini patut-lah Kementerian ini juga dan pegawai² yang di-bawah-nya dapat menyelesaikan masalah tanah² T.O.L. yang bersepah² di-dalam tiap² daerah, bukan negeri, tiap² buah daerah.

Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri ini yang telah menyatakan dalam Dewan ini bahawa satu pasokan bagi menyelesaikan tanah di-dalam negeri² Kelantan dan Perlis, yang ada dalam Head 53 ini juga—ia-itu Rancangan Penyelesaian Tanah negeri Kelantan, Perlis dan mungkin juga dalam negeri² yang lain.

Mengikut ucapan yang di-beri oleh Menteri Yang Berhormat ini, sudah sekian² puluh ribu banyak-nya tanah² di-negeri Kelantan yang dahulu-nya telah menjadi kerumitan, telah dapat di-selesaikan, telah dapat di-atasi dan di-beri geran kepada pemilik²-nya. Masalah ini bukan hanya berlaku dalam negeri Kelantan sahaja tetapi berlaku di-tiap² buah negeri. Saya rasa patut rombongan² atau ranchangan² penyelesaian tanah ini di-tubuhkan di-tiap² buah negeri sa-bagai Pegawai² Pusat untuk menolong pegawai² negeri menyelesaikan masalah² tanah. Saya tidak tahu bagaimana tugas pegawai² berkenaan dengan penyelesaian tanah dalam negeri Kelantan itu. Sebab dalam negeri Kelantan, kalau saya tidak salah, masalah tanah terlalu rumit benar di-samping beberapa ribu ekar tanah telah pun juga di-beri kepada orang yang bukan bumiputera dalam

negeri itu. Saya, kalau dapat-lah Menteri Yang Berhormat memberi penjelasan yang sa-benar-nya, berapa ratus ribu ekar tanah dalam negeri Kelantan mengikut yang telah di-selesaikan oleh Pegawai Rancangan Tanah Negeri Kelantan ini, yang ada peruntokan dalam buku ini, yang telah di-berikan tanah negeri Kelantan itu kepada orang yang bukan ra'ayat negeri Kelantan—bukan bumiputera dalam negeri Kelantan—berapa ratus ribu ekar.

Kemudian kita hendak tahu kepada pegawai di-Sub-head 54—Pegawai Galian. Tentu-lah Pegawai Galian ini telah menyelidik apa yang ada di-dalam tanah yang sa-banyak itu luas-nya, galian apa yang ada, emas-kah, tembaga-kah atau apa-kah dan kalau sa-kira-nya pegawai berkenaan dengan ini dapat menyatakan tanah itu berisi galian apa bentok-nya.

Kemudian Pegawai Ukor di-Sub-head 55, kalau dapat menyatakan bagaimana bentok tanah itu—berbukit, bergunong atau sa-umpama-nya dan juga Kajibumi, begitu juga Perhutanan, berapa ribu ekar tanah itu yang di-berikan dan berapa rasa-nya wang yang dapat di-hasilkan daripada pengeluaran kayu balak yang ada dalam tanah itu telah terlepas daripada tangan bumiputera pergi ka-tangan yang bukan bumiputera.

Saya rasa dengan kerjasama pegawai² yang tersebut daripada S. 53, S. 54, S. 55, S. 56 dan S. 57 dapat-lah kita angka²-nya yang terang, betapa ra'ayat negeri Kelantan telah kechiwa dengan pemberian tanah yang di-berikan kepada orang yang bukan bumiputera dalam negeri itu di-samping kerumitan² yang ada dalam negeri Kelantan itu sendiri. Sebab itu, walau pun Menteri yang berkenaan telah menyatakan banyak masaalah² tanah itu telah dapat di-selesaikan dalam negeri Kelantan, saya harap bukan-lah hanya dalam negeri Kelantan yang dapat di-selesaikan tanah yang saperti itu, tetapi juga patut-lah pada negeri² yang lain juga yang masaalah-nya sama kerumitan-nya dengan negeri Kelantan itu di-dalam masaalah tanah.

Tuan Pengerusi, saya sa-kali lagi menguchapkan, kali ini hendak mem-

beri tahniah sahaja kepada Menteri yang berkenaan ini, kerana beliau telah dapat menyelesaikan suatu pemogokan daripada Pegawai² Hutan yang baharu² ini berlaku—berkaitan dengan S. 57, Pegawai² Hutan Rendah ini—telah melakukan pemogokan baharu² ini dan saya rasa dengan kebijaksanaan Menteri ini masaalah pemogokan itu telah dapat di-atasi. Saya rasa Pegawai² Hutan kita yang belum mendapat pembayaran atau belum dapat gaji yang sempurna atau yang tidak dapat melanjutkan chara hidup mereka itu dengan lebeh baik sedikit, sa-patut-nya dapat perhatian supaya tidak tergendala, sebab manakala berlaku pemogokan ini, bukan sahaja kita rugi tetapi negeri² kita akan rugi dengan pemogokan ini terutama sa-kali negeri Pahang, yang banyak mengeluarkan kayu balak telah menderita kerugian beratus² ribu ringgit dalam satu hari. Jadi atas penyelesaian Pegawai² Hutan kita ini daripada pemogokan itu, mudah²an kita mengharapkan supaya mereka itu akan dapat memberi kerjasama dengan Kerajaan kita pada masa yang akan datang.

Bersangkut dengan itu, Tuan Pengerusi, yang akhir sa-kali saya hendak berchapak ia-lah berkenaan dengan kita tertarek hati tadi pada satu ucapan Yang Berhormat berkenaan dengan Timbalan Pesurohjaya Hal Ehwal Orang² Asli—S. 59, yang beliau menyatakan satu jawatan Timbalan Pesurohjaya Orang² Asli (Bahagian Penyelidik) terpaksa di-adakan, oleh kerana sa-orang penuntut di-Universiti Australia akan kembali dari sana. Itu ucapan beliau tadi. Dengan itu Jabatan ini boleh-lah menubuhkan satu Bahagian Penyelidikan yang telah lama di-perlukan itu. Ma'ana-nya jelas daripada ucapan Yang Berhormat ini, Jabatan ini mustahak dan perlu dan kerana itu agak-nya Kerajaan telah pun menghantar, bukan sa-orang daripada orang asli ini yang pergi belajar di-Universiti, tetapi, kalau saya tidak salah, dua orang yang mendapat biasiswa dihantar ka-Australia dan dalam tahun yang tidak lama lagi ini, yang kedua² ini, akan kembali ka-tanah ayer kita. Dan yang malang-nya yang mendapat perhatian saya di-sini ia-itu kata Yang

Berhormat ini ia-itu satu jawatan Timbalan Pesuruhjaya. Satu orang sahaja yang akan di-ambil di-antara dua orang yang mendapat biasiswa yang belajar di-Universiti di-Australia itu bagi Hal Ehwal Orang² Asli. Kalau sa-orang sahaja di-antara dua orang yang mendapat biasiswa ini di-ambil, apa hal-nya bagi sa-orang lagi, yang sa-orang lagi itu tidak di-ambil! Saya rasa mustahak kedua²-nya di-ambil, kerana rasa saya, orang asli kita ini jarang benar mendapat biasiswa dan sa-kali² dia dapat biasiswa keluar negeri ka-Universiti, dapat ijazah, dapat diploma atau mendapat degree berkenaan dengan hal ehwal orang² asli, sa-orang pula yang di-ambil dan yang sa-orang lagi tidak di-ambil. Ini rasa saya tidak 'adil. Sa-patut-nya Menteri yang berkenaan menggesa sedikit kita punya pegawai pejabat² yang lain yang boleh bertolak ansor sedikit-lah, bagi gaji itu, benarkan-lah sedikit perbendaharaan kita satu orang ini—sebab ini orang asli kita ini—yang mustahak kita ambil hati orang ini dan patut Menteri ini berjumpa-lah, chara bagaimana hendak membuat perundingan supaya kedua² mahasiswa kita daripada orang asli ini dapat kita terima sa-bagai pegawai atau sa-bagai Timbalan Pesuruhjaya Orang² Asli. Sebab berchakap berkenaan dengan orang² asli ini banyak perkara² yang patut kita hendak selideki berkenaan dengan mereka itu, sebab dalam kawasan saya pun ada juga orang² asli ini, banyak, tetapi barangkali penyelidikan tidak begitu sempurna, pegawai tidak begitu cukup, orang² yang akan mengelola—pemimpin² mereka tidak begitu banyak yang terdiri daripada orang² yang berpendidikan, maka keadaan-nya walau pun sudah kita bawa daripada yang jauh sedikit masuk ka-kampung itu, tetapi keadaan-nya maseh terbiar, tentang kehidupan-nya, tentang tanah-nya, tentang kesihatan-nya, tentang pelajaran-nya maseh kurang.

Jadi dengan ada dua orang yang pergi ka-Australia ini dan kedua²-nya kita ambil dan mereka kedua²-nya bekerja untuk kepentingan orang asli saya rasa segala kerumitan² orang asli di-mana² pun akan dapat di-atasi.

Tuan Haji Zakaria bin Haji Mohd. Taib (Langat): Dato' Pengerusi, saya menyokong anggaran perbelanjaan Kementerian Tanah dan Galian ini. Disamping saya menyokong, Dato' Pengerusi, saya suka-lah membangkitkan rayuan saya dalam meshuarat perbelanjaan tahun lepas ia-itu berkenaan dengan sa-buah kampung yang bernama Kampung Sungai Makau Ulu Langat, di-belakang pekan Ulu Langat. Yang Berhormat Menteri kita ada biasa pergi ka-sana yang mana kampung ini telah di-dirikan oleh penduduk² China di-sana 40 tahun lebeh. Jadi mengikut ucapan saya tahun lalu adalah besar kesilapan bagi pehak Kerajaan mengeluarkan tanah kampung ini di-berikan kepada tauke lombong untuk di-jadikan lombong. Dalam ucapan saya tahun yang lalu, saya ada mengatakan saya ada bukti yang pemberian uji lombong ini kita telah mengadakan kesilapan. Maka itu-lah saya merayu kepada Kerajaan—kapada Kerajaan kita yang maha 'adil ini supaya dapat menimbangkan dan menarek sa-mula kebenaran yang telah di-berikan untuk di-lombong itu di-tarek sa-mula. Per-kara ini Dato' Pengerusi, telah berlarut² dan penduduk² yang mempunyai asal kampung ini sekarang yang berjumlah lebeh kurang 100 keluarga—100 family berjumlah 600 jiwa sekarang ini sedang gelisah kerana kita telah menjanjikan kapada mereka yang kampung mereka yang telah 40 tahun ini akan di-berikan balek kapada mereka. Tiap² kali kempen pilehan raya tahun 1959 kita berjanji kapada mereka bila kita menang kita akan mengeluarkan geran kapada mereka habis tahun 1959 kita juga yang menang di-sana, masuk tahun 1964 kita kempen juga, ini kampung akan di-beri geran kapada tuan² balek sedangkan kempen tahun 1964 dalam bulan April Kerajaan mengeluarkan lesen permit memboring kapada tauke lombong itu dalam bulan April itu juga.

Enche' Abdul Rahman bin Ya'kub: Siapa yang berjanji itu?

Tuan Haji Zakaria bin Haji Mohd. Taib: Parti Perikatan! kita-lah sebab-nya saya katakan, Dato' Pengerusi, ada kesilapan kita berkenaan dengan mengeluarkan permit uji lombong

kapada tauke lombong ini. Saya, Dato' Pengerusi, suka-lah Yang Berhormat Menteri ini kalau sudi boleh bersama² dengan saya selalu berjumpa di-sana boleh-lah melihat tempat ini tidak kurang 50 kolam ikan, sa-buah kolam ikan harga-nya kurang² \$3,000, 50 buah kolam ikan ada di-sana, beribu² pokok durian, beribu² pokok rambutan 40 tahun sudah dudok di-sana. Jadi rasa-nya sangat-lah menyedehkan kapada penduduk² di-sana—ra'ayat di-sana kerana kampung mereka itu telah di-beri kapada tauke lombong, itu-lah saya merayu balek, saya tidak-lah beruchap panjang lagi atas hal ini dan saya merayu balek supaya Kerajaan dapat menimbangkan perkara ini.

Di-kawasan saya, Dato' Pengerusi, di-Ulu Langat, kawasan saya Langat, di-sana memang kawasan lombong, jumlah ratus orang daripada Kuala Lumpur ini dan juga daripada tempat² lain datang ka-kawasan saya menchari tanah lombong. Tetapi kalau kita hendak beri pun biar-lah kita beri tempat yang tidak ada kena-mengena dengan kampung dan yang tidak ada merosakkan kehidupan ra'ayat dan kampung di-sana yang berchuchok tanam dan yang hidup di-tepi² sungai.

Dato' Pengerusi, sekarang saya masok dalam butir itu juga ia-itu S. 54 Galian. Saya berharap kapada Menteri yang berkenaan supaya dapat-lah menambak lagi dan membanyakkan pas mendulang bijeh atau pun lesen mendulang bijeh. Sunggoh pun sekarang banyak jumlah sudah ratusan pas mendulang bijeh ini di-keluarkan kapada penduduk² di-sana, tetapi maseh banyak lagi ra'ayat² di-sana mohon berkehendakkan pas mendulang bijeh ini. Pas mendulang bijeh ini hanya di-keluarkan kapada kaum ibu sahaja. Jadi pada fikiran saya apa-lah salah-nya kalau di-keluarkan pas mendulang bijeh itu banyak² kapada penduduk di-sana—kaum ibu di-sana mereka mendulang di-kampung mereka—di-mukim dan daerah mereka sendiri. Ini satu daripada chara kita hendak menolong orang² kampung dan juga dapat meninggikan taraf hidup penduduk² luar bandar.

Dato' Pengerusi, saya masok kapada S. 57 ia-itu Perhutanan. Saya berpen-

dapat dasar hutan simpan yang ada sekarang ini kalau boleh di-ubah sedikit—di-ubah daripada yang sudah². Yang pertama sa-kali, Dato' Pengerusi, dalam Selangor saya dapat tahu jumlah ribu ekar ada hutan simpan lalang sahaja, hutan simpan itu bukan hutan tetapi lalang. Jadi lalang atau tanah hutan simpan itu terbiar sahaja. Jadi tanah hutan simpan yang lalang ini tidak ada apa benda di-tanam. Kita hendak buat ranchangan pun tidak boleh kerana hutan simpan, tetapi lalang.

Jadi pada fikiran saya elok-lah tanah itu di-keluarkan kapada ra'ayat, ra'ayat yang kekurangan tanah. Lagi satu, hutan simpan dekat bandar—dekat pekan. Ada pula hutan simpan dekat pekan di-kawasan saya. Pada fikiran saya hutan simpan yang dekat dengan pekan itu lebeh kurang sa-tengah batu sahaja daripada pekan—hutan simpan di-Bangi di-pekan Bangi. Pekan Bangi itu di-kiri, di-kanan, di-hadapan-nya ladang² getah—di-belakang-nya sa-tengah batu hutan simpan sahaja. Pekan itu patut di-besarkan, tetapi tidak ada tanah hendak di-besarkan, semua-nya ladang getah. Dan penduduk² di-situ pun tidak ada tanah hendak buat tapak perumahan, melainkan beli ladang getah. Tetapi sekarang ini shukor Alham dulillah sudah ada di-keluarkan sedikit—di-keluarkan lebeh kurang 60 ekar tanah kapada penduduk Melayu. Tanah kubor sudah di-keluarkan, untok tanah kubor orang China 5 ekar daripada hutan simpan. Tanah kubor orang India tiga ekar dan ini pula orang Melayu pula minta tanah kubor. Kalau tidak, tiga tahun dahulu, Dato' Pengerusi, orang yang hidup hendak berchuchok tanam tidak ada bumi, yang sudah mati hendak di-kuborkan pun tidak ada bumi, melainkan itu-lah hutan simpan sahaja yang ada.

Jadi pada fikiran saya hutan simpan yang macham ini sa-tengah batu, satu batu daripada pekan itu elok-lah di-keluarkan, di-keluarkan sa-berapa yang boleh di-beri kapada ra'ayat tempat itu untok ranchangan kehidupan mereka masa hadapan. Tuan Pengerusi, di-kawasan saya, Langat, ini besar juga hutan simpan-nya, hutan simpan itu membawa sampai ka-Jelebu saya dapat

tahu hutan simpan yang berpuluh ribu ekar ini sampai ka-Jelebu sana sudah pun di-berikan kepada sa-orang tauke, tauke kayu, jadi tauke kayu ini berapa lama hingga sampai turun menurunnya dia saya ingat sampai 50-60 tahun pun tidak boleh habis, kepada dia sa-orang ini hutan yang berpuluh² ribu ekar ini yang telah di-beri kepada tauke ini, jadi saya fikir perkara yang sa-macham ini tidak ekonomik-lah, biar-lah orang lain sama dapat sama punya ekonomi bersama biar orang lain sama dapat, biar-lah orang lain juga sama merasa, apa salah-nya kalau di-beri dua ribu ekar ranchangan kilang beri-lah 10 ribu ekar, sampai berpuluh² ribu itu jadi orang lain pun tidak dapat hendak merasa lagi, Tuan Pengerusi. Itu-lah terima kaseh, Tuan Pengerusi. (Ketawa).

Wan Abd. Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, saya suka-lah hendak mengambil sedikit bahagian dalam perbincangan Kementerian Tanah dan Galian ini dan perkara yang pertama saya hendak sentoh ia-lah soal S. 54 Jabatan Galian. Tuan Pengerusi, tadi ahli dari Ulu Langat ada membicarakan soal bijeh dan pada masa ini banyak orang berchakap soal bijeh, soal prospect bijeh dan soal boring bijeh. Soal bijeh sudah menjadi satu hysteria di-seluruh kemajuan negeri di-Tanah Melayu sekarang ini masing² menchari bijeh, menchari tanah untuk bijeh, dan pada saya oleh kerana terlalu berlumba² menchari bijeh, tanah untuk bijeh, bijeh ini sudah menjadi satu puncha bengkerap-nya orang² yang gilakan bijeh ini.

Banyak chontoh-nya, Tuan Pengerusi, pada tempat saya sendiri ada beberapa orang yang telah menjualkan tanah dan rumah-nya sendiri kerana hendak menanggung sara tanah bijeh yang dua, tiga ribu ekar itu—berapa sa-bulan dan berapa sa-tahun hingga pada akhir-nya bengkerap, tanah tergadai, rumah tergadai kerana mengejar bayang² bijeh. Jadi daripada bijeh memberi harapan bebaikan ekonomi kepada orang ramai menjadi suatu puncha kebinasaan kepada orang ramai terutama kepada bumiputera yang hendak menchari

peluang senang, chari bijeh dapat tanah dua ribu ekar chari tauke, tauke Kuala Lumpur-kah tauke Singapura-kah meminta dua, tiga ribu, 5 ribu, 10 ribu dahulu nanti buat agreement dapat lagi 15, 20, 30 ribu, 100 ribu, 200 ribu-itu tujuan mereka. Jadi saya merasa dalam perkara bijeh dan mengatasi problem bijeh ini, Tuan Pengerusi, ada baik-nya sa-suatu langkah yang lebeh concrete kita fikirkan untuk menyelamatkan nasib pengejar² bayang² bijeh ini, dan saya nampak langkah yang di-ambil oleh Kerajaan Negeri sa-bagai Perak dengan Kerajaan Negeri mengambil langkah untuk menjalankan prospect tanah² kawasan bijeh orang Melayu, satu langkah yang boleh di-jadikan suatu chara untuk kita perbesarakan lagi untuk kita, atau pehak Kerajaan memikirkan lebeh baik lagi daripada itu atau di-buat chara itu atau lebeh baik daripada itu untuk supaya bijeh dan tanah bijeh ini menjadi puncha kekayaan dan puncha kema'amoran daripada menjadi puncha kebinasaan sa-bagaimana yang telah berlaku kepada banyak tempat dan banyak negeri dalam tanah ayer kita pada masa ini. Dan saya sangat kasehan pada orang pada masa ini yang banyak mengejar² bijeh dan tanah² bijeh, Tuan Pengerusi.

Kemudian, saya suka-lah hendak beredar kepada S. 53 tentang Pesuruh-jaya dan sunggoh pun soal tanah ini soal negeri yang di-katakan oleh Ahli daripada Parit tadi barangkali ada jasa baik bagi Kementerian ini untuk mengarahkan perkara sungutan yang banyak tentang soal tanah dan kelebehan tanah ini. Sekarang semenjak kita melancharkan Ranchangan Lima Tahun yang ke-dua yang berakhir pada tahun ini, terlalu banyak ranchangan pembangunan di-jalankan, antara ranchangan pembangunan ini ia-lah jalan² raya dan bangunan², projek² yang macham² dan ini pada banyak keadaan menghendaki di-ambil balek tanah, di-tebang pokok, pokok kelapa-kah, pokok duku-kah pokok rambutan-kah, pokok buah²-lah yang mendatangkan hasil kepada orang kampung.

Soal-nya bila tanah itu di-ambil balek dan pokok ini di-tebang, Pegawai Penempatan atau Settlement Officer harus pergi dan menilaikan perkara ini

dengan segera dan mengangkat penilaian itu ka-atas supaya di-selesaikan dengan segera akan pembayaran balek akan harga pokok² tanaman yang diambil ini. Apa yang berlaku, Tuan Pengerusi, dalam kawasan saya terutama sa-kali tiga tahun jalan itu sudah siap pokok sudah bertebang, entah jadi kayu api, entah jadi abu sudah jadi apa, tetapi duit-nya belum membayar kerana belum di-selesaikan oleh Pegawai Penempatan tentang perkiraan macham mana pembayaran-nya dan penilaian-nya dan sa-bagai-nya dan hubungan-nya dengan Kerja Raya yang menebang dan sa-bagai-nya tidak tahu-lah saya macham mana. Jadi ini menimbulkan rasa tawar hati orang kampung, dan rasa tidak puas hati, baik tidak usah dia kata ada jalan ada jalan pokok rambai aku, poko pokok duku aku ada boleh rasa² aku ini hari sudah ada jalan hendak makan hasil pun tidak dapat, tidak selesai lagi pula.

Jadi ini semua menimbulkan bibit² yang tidak begitu sihat, jadi kalau boleh-lah dengan jasa baik daripada Pesuruhjaya Tanah dan Galian negeri² Tanah Melayu supaya dapat-lah perkara yang macham ini di-atasi, di-beri arahan bagaimana-kah supaya tidak-lah berulang² kali pada banyak tempat kerana perkara yang sa-macham ini menghendaki penyelesaian yang segera.

Kemudian satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, ini tentang Pegawai Penyelesaian Tanah-lah, Pegawai Penempatan-lah sekarang ini kapada kebanyakan negeri sudah terhadap dengan suatu masalah, masalah tanah haram terlalu banyak, jadi negeri² itu telah mengambil keputusan siapa yang duduk di-tanah haram pada sekian haribulan boleh Kerajaan timbangkan untuk di-bagi kapada dia dan di-lot²kan tanah itu. Jadi tentu-lah berhajat kapada S.O. atau Pegawai Penempatan hendak mengukur tanah tengok macham mana. Apa yang berlaku ini saya bukan hendak menuduh atau apa, tidak, tetapi entah macham mana sa-tengah²-nya orang yang tidak kena mengena dengan tanah haram itu ada dalam list masok, dia sudah lama duduk sa-belum daripada tarikh ini lagi dengan main songlap, main silap mata entah macham

mana, ini perkara-lah yang berlaku pada banyak tempat jadi sebab kita adakan dead line, dead line pada sekian haribulan katakan-lah tahun 1963 bulan 9 tahun 1963 saya pun duduk sa-belum daripada tarikh itu di-kira akan di-beri pertimbangan untuk bagi mereka memileki tanah haram ini. Maka oleh sebab tarikh ini di-beri, ini-lah perkara² yang tidak senang ini timbul. Jadi kata orang lain yang tidak dapat kesempatan begitu, kami buat permohonan sudah 10 tahun dahulu sampai sekarang tidak dapat. Ini orang entah macham mana begitu bagini dapat masok dalam list S.O. Ini macham mana? Jadi ini semua tidak menyenangkan. Jadi ini semua perkara² yang timbul dalam pertadbiran tanah, terutama sa-kali untuk mengatasi soal tanah haram ini yang memang chukup memeningkan kepala Kerajaan² Negeri. Tetapi, patut-lah di-chari jalan bagi mengatasi, supaya perkara yang sabagini tidak timbul. Kerana ini—dengan ada-nya keputusan mengatakan dead line—sekian hari bulan dan sekian tahun hidup—ini membuka pintu bagi permainan di-belakang layar, di-balek tabir atau di-belakang pintu. Macham² perkara boleh berlaku. Dan ini semua harus di-chegah dengan keras! Kalau tidak, sukar-lah kita hendak mengambil keperchayaan penoh orang ramai yang memang dahagakan tanah sa-lama²-nya.

Kemudian, Tuan Pengerusi, saya agak terperanjat juga tadi, mendengar penerangan daripada Menteri Yang Berhormat tentang tanah di-Kelantan yang 400,000 ekar ini belum selesai tadi. Saya ta' hendak-lah sebut macham Ahli dari Hilir Perak—fasal tanah bumiputra ta' bumiputra. Chuma di-Kelantan ini satu yang saya rasa sampai sekarang belum jelas. Dahulu pada masa Kerajaan Pusat menawarkan Ranchangan FLDA—semua pandang ka-mari nampak-nya orang Kelantan tolak—ini ranchangan ta' elok, ini ranchangan ta' beri kebajikan. Kami ada ranchangan sendiri. Kami beri 10 ekar tanah kapada orang² yang tidak bertanah yang ke-betulan semua-nya orang Ahli PAS belaka-lah. Maka pergi-lah hamba Allah ini ka-dalam—khabar-nya masok ka-dalam sana dengan jalan-nya ta' ada—merempoh

paya, merempoh hutan, merempoh apa. Sudah masuk, makanan ta' ada—keluar balek. Apa sudah jadi dengan ranchangan ini? Berapa banyak sudah dibagi? Berapa banyak telah berjaya? Banyak yang gagal!—yang kata ranchangan lebih baik daripada FLDA itu. Sekarang senyap sunyi. Saya yang hairan fasal senyap sunyi. Ini problem 400,000 ekar—tanah yang belum selesai sampai sekarang. Takut ada problem yang di-tinggalkan pula oleh Pengerusi Lembaga Tanah ini yang telah kalah Pilehan Raya tahun 1964 ini—nanti pula timbul lagi problem. Nanti Menteri kita pula akan pikul. Apa problem-nya itu, tolong-lah terangkan. Kita pun ta' tahu. Nanti akhir² kelak Menteri juga yang akan pikul tanggung-jawab, ini kena selesaikan. Dengan kita punya tuan Penyelia Tanah dan Galian, Malaysia, juga kena pikul chara hendak menyelesaikan dan hendak menghantar pegawai² semua. Kerana dahulu dia ambil pegawai² survey yang bukan pegawai Kerajaan—pegawai² private yang di-ambil dari luar untuk mengukor tanah ini semua. Entah ukoran itu betul ta' betul pun ta' tahu, apa kejayaan-nya. Ini, takut ranchangan Mat Jenin pun ta' tahu. Jadi, semua itu kita ta' tahu kesah.

Kemudian, Tuan Pengerusi, beredarlah saya kepada S. 57. Ini fasal hutan (forest). Jadi, pada masa ini, Tuan Pengerusi, kalau kita kira hasil negara—hasil timber—hasil kayu, adalah hasil yang ketiga besar-nya. Dan pada masa ini, satu galakan besar diberi oleh Kerajaan untuk memperbanyakkan pengeluaran balak². Pada masa ini juga, satu bahagian daripada ranchangan Kerajaan untuk menggalakkan bumiputra dalam perniagaan ia-lah menerusi kayu² balak ini. Maka, pada masa ini banyak-lah permohonan untuk mendapat kebenaran membuka kawasan kayu balak ini. Dan banyak-lah pula orang yang mendapat dan banyak-lah juga orang yang tidak mendapat. Satu perkara yang saya rasa untuk kita mengamati daripada tujuan asal di-beri kebenaran kayu balak kepada bumiputra atau pun orang Melayu janganlah perusahaan ini menjadi yang di-katakan orang perusahaan Ali Baba. Kebanyakan-nya begitu. Beri sahaja—nama permit sahaja nama bumiputra

atau Melayu, tetapi yang menjalankan kesemua-nya ia-lah orang lain. Kalau terus kita katakan nama joint venture terus—lain. Tetapi tidak! Ini bulat² nama—nama permit kita Melayu, tetapi yang menjalankan orang lain. Jadi, dia ini pakai terima gaji bulan-lah. Berapa ratus-kah sa-bulan dia beri? Jadi ini chara yang tidak elok—bukan chara hendak meninggikan ekonomi bumi-putra. Saya merasa, ini-lah perkara² yang harus kita elakkan. Jadi, bagaimana chara-nya kita ta' tahu. Tetapi, saya merasa patut-lah di-chari jalan supaya perkara ini tidak banyak berulang. Dan juga satu perkara yang saya hendak beri ingatan ia-itu jangan-lah—kita tidak mahu-lah perkara berlaku seperti yang di-tinggalkan oleh penjajah di-negeri² Borneo itu akan berlaku disini. Kerana di-negeri Borneo ini yang penjajah tinggalkan,—kebanyakan balak ini ia-lah macham monopoly sahaja. Satu dua orang punya kuasa sahaja. Jadi ini pun satu perkara yang tidak elok sangat.

Kemudian, Tuan Pengerusi, akhir-nya S. 59—Orang² Asli. Saya suka-lah hendak tahu tentang kerja² yang dijalankan oleh Jabatan Orang Asli ini—ia-kah sa-takat kerja menjalankan, memberi dan menjaga kebajikan orang asli sahaja? Tidak-kah termasuk dalam kerja²-nya menjalankan usaha asimilasi atau assimilation orang ini untuk makin sa-hari makin dekat dan makin rapat kepada masharakat ramai kita yang civilise ini? Kerana kalau tidak memang di-arahkan dengan betul usaha Jabatan ini bagi menjalankan assimilation ini, maka lambat-lah kita hendak menchapai assimilation kepada orang yang berapa belas ribu orang sahaja di-seluruh Tanah Melayu ini. Dan ini kita rasa ta' elok. Benda ini sudah lama—kita ada pejabat ini sudah lama—bukan baharu sa-tahun dua tahun. Sudah lama! Jadi sa-takat mana hasil kita chapai dalam segi assimilation sahaja. Sa-takat mana kita sudah chapai? Biar kita ada target dalam perkara ini. Ini perkara sangat mustahak. Kalau ada tadi saya dengar ada orang asli yang sudah sampai belajar ka-Australia. Kita sangat berbesar hati. Tetapi kita mahu lebih daripada itu lagi. Bukan satu dua orang, tetapi keseluruhan masharakat orang asli itu

sa-rupa dengan masyarakat ramai. Dan contoh yang di-buat macham di-batu 12 Gombak ini, di-tempatkan sa-mula orang asli di-tempat yang baharu dan satu surrounding yang baharu. Ini langkah macham ini patut diperbanyakkan. Patut diperbanyakkan untuk mempercepatkan assimilation ini ka-dalam masyarakat ramai. Ini perkara yang sangat mustahak supaya tidak-lah lagi timbul keadaan yang tidak begitu menyenangkan—keadaan orang² asli yang sa-tengat²-nya maseh liar daripada masyarakat yang ramai yang civilise ini.

Kemudian saya suka-lah, pada akhirnya, mendapat jaminan daripada Yang Berhormat Menteri—jaminan sahaja bukan saya kata perkara ini berlaku, jaminan sahaja bahawa badan² pengembang ugama Christian tidak-lah di-beri kesempatan sedikit pun bagi menjalankan apa jua kerja kebajikan kepada orang² asli ini kerana kalau kita kata dia bukan mengembangkan ugama Christian, dia menjalankan kerja kebajikan sahaja, tetapi kerja kebajikan ini-lah dia perlahan² menarek dan memasokkan jarum ugama Christian itu kepada orang² asli dan saya suka mendapat jaminan yang perkara ini tidak akan berlaku.

Enche' Mohd. Tahir bin Abdul Majid (Kuala Langat): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian di-dalam perbincangan peruntukan perkara S. 53 sabagai yang telah di-sampaikan Yang Berhormat baharu² lepas tadi dalam soal segi tanah. Saya hanya hendak merayu kepada Menteri Yang berkenaan agar dapat di-kaji sa-mula kaedah dan keadaan "Land Code" dan "Land Enactment" itu kerana kalau kita perhatikan dengan teliti di-dalam beberapa perkara "Land Code" dan "Land Rules" itu ada-lah menyesuaikan kedudukan dan kaedah chara penjajah menjalankan Undang²-nya yang menyesuaikan bagi diri mereka sahaja. Oleh yang demikian saya berharap dapat di-kaji sa-mula menyesuaikan kedudukan kita yang telah merdeka dan berdaulat pada hari ini.

Saya beralah kepada S. 54, muka 483, Butiran (1) hingga Butiran (7)

ia-itu Jabatan Galian. Di-sini juga saya merayu kepada Menteri yang berkenaan dan sa-terus kepada Ketua Jabatan ini supaya meninjau dan mengkaji sa-mula kaedah dan keadaan Undang² Melombong di-dalam negeri kita ini. Bertuah sungguh kita pada hari ini telah mendapat penjelasan daripada Menteri yang berkenaan, sa-orang anak bumiputera, yang telah memegang jawatan yang tertinggi sekali di-dalam Jabatan ini. Ini saya menguchapkan tahniah kepada-nya.

Satu perkara atau pun dua tiga perkara yang hendak saya berikan pandangan di-dalam Undang² Melombong ia-itu dalam segi mendapatkan tempat untuk di-lombong beberapa tempat—500 ekar, 1,000 ekar, 3,000 ekar, 5,000 ekar, satu badan atau satu perusahaan. Tetapi pada keseluruhannya, tempat² ini tidak dapat di-kerjakan dengan sa-kali gus atau pun sa-kali jalan. Maka di-dalam Undang² ini boleh di-kait²kan di-antara 1, 2, 3, 4, 5 di-kaitkan ka-satu maka dia boleh menjalankan daripada satu masa ka-satu masa mengikut kehendak pelombong² itu sendiri bermaana ini ada-lah sa-chara menguasai seluruh tanah perlombongan yang di-dapati-nya di-dalam kawasan² yang tertentu, sa-olah² monopoly, sa-olah² supaya jangan orang yang lain daripada itu mendapat tempat untuk menchuba melombong. Jadi itu-lah kesulitan di-hari ini, kerana banyak perkara² yang sa-umpama ini berlaku di-dalam negeri Selangor, Perak dan begitu juga Negeri Sembilan. Kalau mengikut bagaimana sharat² pajak atau pun lease yang telah di-berikan kepada pelombong² itu maka sampai masa-nya 10 tahun, 15 tahun, atau 20 tahun. Maka lease itu pun habis-lah, tetapi apabila di-kaitkan-nya maka dia boleh memanjangkan masa itu sa-hingga dia habis berjalan dan melombongkan tanah yang demikian. Ini satu kesulitan Yang Berhormat Tuan Pengerusi, yang mana pelombong² besar dapat tahu lebeh dahulu daripada pelombong² kechil atau pun anak² tempatan atau pun anak² bumiputera.

Oleh yang demikian perkaitan di-antara satu dengan satu itu sudah begitu jauh maka tentu-lah orang² yang

ada mempuyai kedudokan, yang mempunyai lebih modal yang banyak, maka perusahaan ini tentu dapat di-atasi dengan sa-chara tidak langsung daripada pelombong² kechil.

Lagi satu perkara yang saya hendak sampaikan di-sini ia-itu Sub-Lease, Sub²-Lease. Tanah ini tanah yang telah di-korek, tanah-nya telah di-kerjakan tetapi oleh di-fikirkan kalau kapal itu hanya dapat mengorek 80 kaki, 60 kaki tetapi ada 180 kaki lagi ka-bawah kapal itu tidak sampai mengorek maka di-bahagikan Sub-Lease kepada orang yang suka melombong di-tempat itu dan orang yang Sub-Lease ini boleh Sub-sub Lease pula lagi, jadi chukai di-atas chukai tiga kali chukai, empat kali chukai. Ini saya rasa tidak-lah begitu memuaskan kerana kalau-lah pelombong yang pertama telah mendapat habuan atau pun telah mendapat hak-nya di-atas tanah itu, maka pulangkan sahaja-lah kembali kepada Kerajaan dan boleh di-beri terus kepada siapa juga yang meminta kemudian kelak supaya dapat orang itu terus memileki hak-nya dan tidak ada kena chukai di-atas chukai lagi.

Sa-bagai yang telah di-sampaikan oleh wakil daripada Ulu Langat tadi—mendulang. Saya rasa kalau pendapat saya lesen² mendulang yang ada hari ini pun tidak usah-lah di-keluarkan kerana mendulang ini yang saya telah pasti memerhatikan bukan sahaja dia mendulang, dia mengorek, mengorek tebing sungei, dia pergi ka-tanah² yang dia tahu ada berisi, di-korek di-bawah tebing sungei, dia chuchi. Ini-lah chara-nya kalau dapat jangan-lah di-banyakan lagi lesen mendulang ini di-keluarkan oleh kerana merosakkan tebing² tanah dan tebing² sungei dan juga menggalakkan mereka ini sa-chara tidak langsung menchuri tanah² itu di-bawa ka-tepi sungei.

Lagi yang ke-tiga ia-itu chara sa-saorang yang chuba dan baharu munchul hendak menjalankan perusahaan melombong maka orang² ini terpaksa-lah Jabatan ini menemu-duga. Apabila di-dalam temu-duga ini tidak mendapat kelulusan sa-kurang²-nya 70% atau 65% maka mereka ini tidak di-boleahkan menjalankan lombongan

dan ada berhak pegawai² yang berkenaan melantek orang yang lain daripada itu untuk menjalankan lombong-nya daripada rakan² dia. Saya rasa ini-lah satu kechurigaan bagi, lebih² lagi bagi anak² bumiputera, yang chuba munchul ka-hadapan hendak memasoki perusahaan ini telah takut kerana sifat anak² bumiputera ini apabila katterlaluan maka dia chuba-lah undor ka-belakang. Jadi saya berharap jika dapat di-berikan pimpinan, berikan chara tidak langsung segala kemudahan² kepada mereka² ini.

Saya perchaya apa yang di-katakan oleh Yang Berhormat baharu berchakap daripada saya tadi yang si-pengejar² tanah ini yang hanya mengambil hasil “tribute” sahaja daripada sa-bulan ka-sabulan tidak akan berlaku. Kerana ini-lah apabila di-pohonkan tanah—tanah telah dapat tetapi apabila dia menchuba mendapatkan pegawai² itu untuk mendapatkan kajian bagaimana chara hendak melombong dan sa-lain-nya maka bila datang temu-duga, maka dia chuba-lah undor ka-belakang dan dia menchuri jalan lain untuk mendapatkan perkara yang senang. Jadi saya berharap pegawai yang berkenaan akan mengambil perhatian yang penoh dalam perkara ini kerana kalau-lah di-katakan untuk membawa dorongan anak² bumiputera kepada bankruptcy saya tidak perchaya, kerana dengan dorongan ini juga-lah kalau kita berikan asohan dan ajaran dan perhatian yang baik maka mereka mendapatkan kerja² itu dengan sa-chara baik dan dapat kita lateh dengan sa-chara baik. Beredar kepada S. 56 muka 493, Butiran (25), (26), (27) dan (28)—Pegawai² Kaji Bumi. Saya sunggoh tertarek hati di-atas kerja² yang telah di-jalankan oleh pegawai² ini, tetapi saya minta supaya dapat ke-pastian yang penoh sa-lepas dapat di-kaji hasil bumi dan kaedah keadaan bumi itu sa-kira-nya tidak menjadi kesalahan daripada undang², memberikan satu chara penerangan ka-tempat² yang berkenaan. Kerana di-dalam sa-suatu kampung, apabila sudah di-kaji hal keadaan dan kedudokan bumi di-tempat itu, maka orang² yang mendudoki kampung itu tertunggu² apa-kah dia benda-nya? Apa-kah Kerajaan akan buat? Apa-kah ranchangan

Kerajaan akan buat? Ada-kah kampung dia ini akan di-ambil oleh Kerajaan atau ada-kah kampung ini boleh menjadi satu tempat yang baik kepada mereka semua? Ini, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, tahu-lah keadaan dan kedudukan orang kita kampung, sa-suatu perkara yang dijalankan oleh Kerajaan itu mereka hanya tertunggu² ketakutan, ke-gembiraan tidak tentu hala dan tidak tentu arah bagaimana hendak di-tunggu.

Beraleh kepada S. 56 muka 494 Butiran (6)—Siasatan Galian. Ini Yang Berhormat Tuan Pengerusi, telah pun di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Sungguh pun begitu saya berharap dalam siasatan² ini kalau dapat biar-lah siasatan ini sa-chara memberikan butiran. Jangan-lah siasatan sa-kali jalan dan sa-suatu itu hendak di-siasat sa-mula. Kerana di-dalam siasatan galian ini terpaksa kita menchari butiran, kalau tidak, kita akan menggunakan belanja yang begitu banyak dan sia² sahaja. Jika tempat itu tidak di-dapati sa-bagaimana sa-chara langsung kita telah siasat.

Perkara S. 57 muka 497 Butiran (57), (58), (59), (60), ia-itu Kehutanan. Di-sini juga banyak rakan sa-jawat saya telah menyentoh di-dalam keadaan dan kedudukan pegawai² ini. Saya hanya hendak menguatkan dalam perkara yang tersebut ia-itu pegawai² ini dudoknya jauh daripada pekan, dan jauh pula kadang² itu dengan kampung. Oleh yang demikian untuk mereka mendapatkan tempat dudok, untuk mendapatkan anak²-nya ka-sekolah, untuk mendapatkan segala² kemudahan—jauh dari pada api—perhatian yang penuh dan berat patut di-berikan kepada mereka sakalian, kerana mereka-lah harapan kita yang akan dapat menjaga hutan dan mengeluarkan hasil yang baik.

Sekian sahaja Yang Berhormat Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Mr Speaker: Meshuarat ini di-tangguhkan sa-lama 15 minit.

Sitting suspended at 11.50 a.m.

Sitting resumed at 12.05 p.m.

Mr (Deputy) Speaker in the Chair.

Debate resumed.

Mr Chairman: Terlebeh dahulu saya suka hendak memberi tahu Ahli² Yang Berhormat ia-itu pada pukul 12.20 saya akan meminta Yang Berhormat Menteri menjawab segala pandangan dan pendapat daripada Ahli² Yang Berhormat.

Enche' Hussein bin To' Muda Hassan (Raub): Tuan Pengerusi, muka surat 477 Sub-head 52—Menteri Tanah dan Galian. Saya menyokong dengan sa-kuat²-nya di-atas peruntokan yang telah di-untokkan di-dalam Kementerian ini, tetapi saya harap Kementerian ini akan membuat lebeh lagi estimate pada tahun yang akan datang kerana terutama sa-kali untuk menyelesaikan hal pentadbiran tanah yang di-fikirkan kusut telah beberapa lama. Pada pendapat saya dalam hal pentadbiran dalam Pejabat² Tanah di-dalam negeri kita ini, jika perjalanannya sa-bagaimana yang ada pada masa sekarang—pada pendapat saya barangkali dalam tempoh 10 tahun lagi pun kita tidak akan dapat menyelesaikan hal permintaan² tanah yang telah ter-bengkalai beberapa tahun dalam penyelesaian berkenaan dengan sukat-menyukat dan lain²-nya. Maka saya harap dengan kerjasama Kementerian ini dan Kerajaan Negeri, dapat kita menguruskan hal kesulitan² dan kerumitan² yang sedang ada pada masa sekarang dan saya menyeru pada Menteri yang ada sekarang ini, sebab dia ada memberi jawapan kepada saya dalam masa meluluskan Rang Undang² Tanah Kebangsaan dahulu, yang dia itu ada sedikit merasa takut hendak menggesa Kerajaan Negeri untuk membuat peratoran² tetap berkenaan dengan hal penyelesaian pentadbiran tanah ini.

Saya harap, untuk kebajikan dan faedah ra'ayat, patut-lah Menteri ini jangan takut, beri-lah fikiran atau beri-lah arahan yang boleh membena kepada Kerajaan Negeri itu.

Saya berjangkit kepada muka surat 483 Head 54, Sub-head (1) Ketua Merinyu Galian. Sungguh pun kebanyakan pentadbiran galian ini ia-lah di-tadbirkan oleh Kerajaan Negeri, tetapi saya suka hendak memberi

pandangan dan rayuan kepada Merinyu ini di-atas apa yang saya dapati yang terjadi di-dalam kawasan saya ia-itu sungai² yang ada dalam kawasan saya pada masa dahulu-nya elok, jerneh dan chantek ayer-nya. Maka pada masa sekarang ayer-nya keroh. Jadi apabila saya siasat apa sebab-nya ayer sungai sudah jadi keroh ia-lah di-sebabkan orang mendulang bijeh atau lain² di-ulu sungai itu, maka di-dapati kebanyakan orang² yang membuat pekerjaan yang sa-macham ini tidak ada mempunyai lesen. Maka saya harap Merinyu Galian ini bekerjasama dengan Pejabat Galian Negeri untuk menyelesaikan perkara ini supaya jangan berjadi² lagi berkenaan dengan mendulang bijeh dan mata benda yang lain dengan chara yang haram.

Saya berjangkit kepada muka surat 495 Head 57, Sub-head (1) Ketua Pemelihara Hutan. Di-sini saya suka hendak membuat pandangan ia-itu berkenaan dengan hutan simpan berhampiran dengan bandar Raub, ada satu kawasan hutan simpan yang dinamakan Hutan Simpan Rotan Tunggal. Hutan simpan ini telah jadi sabuah hutan di-dalam tengah² kawasan perbandaran. Jadi, kawasan² hutan ini telah di-berikan kepada tauke pembalak untuk mengeluarkan kayu² di-dalam hutan itu, tetapi kayu² yang di-tebang mana tidak di-bawa keluar itu telah menjadi satu benchana kepada penduduk² di-sekeliling kawasan hutan simpan itu, sa-bagaimana yang terjadi dalam bulan sapuloh dahulu ia-itu segala kayu² itu telah di-hanyutkan oleh ayer daripada bukit itu dan telah melibatkan rumah² yang di-bawah bukit itu di-langgar oleh kayu² daripada hutan simpan itu. Maka saya rasa patut-nya-lah Kerajaan pada masa sekarang meminta Kerajaan Negeri untuk memansokhkan hutan simpan itu di-jadikan tanah Kerajaan balek supaya boleh di-berikan kepada penduduk² berchuchok tanam, jangan-lah di-jadikan kawasan orang memotong kayu kerana bahaya-nya satu daripada-nya bahaya seperti saya katakan tadi, apabila datang musim hujan lebat akan membawa ayer yang turun daripada bukit membawa kayu² itu ka-bawah dan merosakkan segala harta benda penduduk² di-sekeliling tempat itu.

Satu lagi, muka surat 500 Head Sub-head (1) Ketua Pelindung Mergastua. Keuta Pelindung Mergastua ini, sa-bagaimana ucapan Yang Berhormat Menteri tadi, ia-lah mengawal binatang² liar. Saya fikir binatang² liar ini termasuk-lah harimau. Dalam lima enam bulan yang sudah atau pun tujuh bulan yang sudah di-kawasan saya harimau telah maharaja-lela dan telah ada yang menjadi mangsa harimau. Tetapi apabila di-minta pertolongan daripada kaki-tangan Pejabat Pelindung Mergastua yang ada di-situ, mereka hanya ada dua orang sahaja, mereka itu tidak dapat membunuh harimau itu hanya berjaya menghalaukan jauh² sahaja. Jadi di-sini menjadi sungutan penduduk² di-kawasan saya mengatakan tidak ada guna-nya kalau kita halau², lambat laun bila dia lapar dia akan keluar balek. Saya membuat pandangan di-sini perkara harimau mengganas ini saya minta Ketua Perlindung Mergastua minta kerjasama dengan orang di-kampung di-mana harimau itu mengganas dengan memberi peluru² atau pun senapang untuk orang² kampung ini pergi membinasakan harimau yang mengganas itu. Sebab-nya, sa-bagaimana yang terjadi di-tempat saya, apabila harimau itu menangkap sa-orang orang di-situ mereka tidak berani lagi pergi ka-kebun² getah sampai berbulan² untuk memotong getah untuk kehidupan mereka. Maka ini-lah di-harapkan Ketua Pelindung Mergastua ini membuat satu kajian yang agak memberi faedah kepada ra'ayat di-sana bukan kerana melindungi binatang² yang liar atau pun melindungi binatang² yang patut kita pelihara di-dalam hutan sahaja. Dan juga hendak-lah membantu jangan binatang² liar ini membinasakan tanaman² atau pun mengancam kehidupan penduduk² di-mana² kampung, sakian-lah.

Enche' Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Saya ucapkan banyak² terima kaseh kerana dapat berchakap walau pun sedikit di-dalam Kementerian ini. Pertama sa-kali saya ucapkan banyak terima kaseh kepada Kerajaan Pusat dan Menteri yang berkenaan kerana hari ini telah menghantar satu rombongan untuk membuat penyelesaian tanah dengan chara lain scheme

yang ada di-negeri Kelantan itu. Sabenar-nya penyelesaian tanah yang berjalan dalam negeri Kelantan hari ini patut-lah Ahli Yang Berhormat yang mengecham bahawasa-nya itu ada-lah hasil daripada pekerjaan orang PAS—tidak, ini ada-lah sudah lama masaalah² itu seperti tanah pesaka, tanah yang tidak sanggup di-selesaikan berpuluh² tahun yang lalu, mungkin Menteri yang berkenaan ini menjawab kepada Ahli² Yang Berhormat yang lain mengatakan itu ada-lah ekor daripada perbuatan orang PAS tidak pandai memerintah negeri—tidak benar.

Dan juga, Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan sa-orang Ahli Yang Berhormat daripada pehak Kerajaan daripada Hilir Perak yang telah meminta kepada Menteri berkenaan supaya membuat satu laporan penoh mengenai seluruh tanah Negeri Kelantan itu sa-banyak mana yang telah di-beri kepada orang Melayu atau bumiputera—istilah bumiputera dia pun saya tidak tahu apa dia, sebab Tunku pun telah beritahu istilah bumiputera itu tidak ada. Beri kepada orang Melayu tegas-nya beri kepada orang China, orang India. Dan juga saya minta supaya sa-lain daripada Negeri Kelantan, Trengganu, Kedah, Johor, Perak di-buat semua penerangan dan laporan ini di-bentangkan dalam Dewan ini. Baharu-lah benar² kita dapat mengkaji sa-jauh mana-kah Kerajaan Negeri Kelantan itu mengkhianat kepada orang Melayu atau tidak, itu ada-lah jawapan kepada tuduhan dia ka-atas Kerajaan Negeri Kelantan. Sebab apa yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Ulu Langat tadi, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat daripada Ulu Langat tadi mula² sa-kali mengatakan maha adil Kerajaan Perikatan ini dan mengatakan tanah telah di-berikan kepada orang² yang tidak Melayu sa-patut-nya beri kepada orang² Melayu yang dekat dengan daerah itu, yang di-janjikan kepada orang yang berkenaan, itu pun sudah satu kenyataan. Itu-lah susah Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan kita ini menjadi gelanggang pertelingkahan antara parti dengan parti yang lain, pada hal-nya gajah hadapan mata tidak nampak—kuman di-seberang laut

kita nampak, itu-lah satu perkara yang amat menyulitkan.

Mengenai masaalah pembukaan² tanah yang mana ada dalam ini daripada S. 53 Pesuruhjaya Tanah, saya minta kepada pehak Menteri yang berkenaan supaya clearance dalam masaalah² pembukaan² tanah ini seperti Kajibumi, Kehutanan dan lain²-nya lagi di-beri kemudahan dan di-chari satu chara lain supaya untuk membuka tanah itu biar lekas dapat kita beri kepada ra'ayat. Sebab terbantot-nya hari ini masaalah² yang hendak memberi tanah baharu kepada ra'ayat ia-lah dengan perkara² Kajibumi, Kehutanan dan lain² lagi. Tetapi, alhamdulillah, nampak-nya walau pun kesulitan² yang di-hadapi sudah banyak-lah hasil² dan kerjasama pehak Kerajaan Pusat memberi kepada Kerajaan Negeri terutama bagi Negeri Kelantan. Ada pun satu masaalah yang di-bangkit oleh Ahli Yang Berhormat mengatakan Negeri Kelantan sudah gagal dengan ranchangan pemberian tanah sa-chara-nya sendiri, maka saya fikir perkara itu patut kalau di-katakan begitu kita buat satu Jawatan-kuasa Penyiasat, betulkah tanah Negeri Kelantan yang telah di-beri oleh Kerajaan Kelantan kepada ra'ayat Kelantan itu sudah gagal, mungkin itu ada-lah ada lebih baik daripada kita melau dalam Dewan ini. Sampai hari ini pun tidak bunyi desas-desus dan tidak bunyi orang² yang mengatakan bahawasa-nya Negeri Kelantan dan ra'ayat Negeri Kelantan dapat tanah daripada Kerajaan Kelantan itu tidak puas hati, bahkan ada tanah² yang telah di-beri oleh Kerajaan Negeri Kelantan hari ini banyak yang akan dapat mengeluarkan hasil tahun depan atau dua tahun lagi.

Ada pun masaalah F.L.D.A. suka lagi saya memberitahu kepada Dewan ini, F.L.D.A. ranchangan itu ada-lah kami Negeri Kelantan tidak menolak ranchangan F.L.D.A. dengan syarat pemilihan orang hendak letak dalam ranchangan itu ada-lah kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat. Itu sahaja. Dahulu pun begitu dan sekarang pun begitu. Dan baharu ini pun sudah di-keluarkan satu statement oleh Menteri Besar Negeri

Kelantan sa-telah mengadakan Gentleman Agreement dengan Timbalan Perdana Menteri bahawa F.L.D.A. akan di-terima dalam Negeri Kelantan asalkan chara pemasokan atau pun kemasokan peneroka dalam ranchangan itu dapat kerjasama antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri.

Akhir sa-kali Tuan Pengerusi, masalah S. 57 ia-itu Perhutanan dan Pegawai² Perhutanan. Saya minta kepada pehak Menteri yang berkenaan menimbangkan kedudukan Pegawai² Perhutanan ini sa-bagaimana kita tahu kedudukan² mereka ini tidak begitu banyak terjamin dan saya rasa baik-lah soal² yang telah di-keluarkan oleh pehak² Ahli Yang Berhormat yang lain dapat Menteri memberi pertimbangan dalam masalaah gaji dan masalaah layanan² dan lain² lagi supaya dapat-lah mereka ini menumpukan pekerjaan mereka dan usaha² mereka sa-baik-nya untuk memberi hasil kepada negara. Sekian-lah.

Enche' Chin Foon (Ulu Kinta): Mr Chairman, Sir, I rise to support the allocation for the Ministry of Lands and Mines.

Now, Sir, I wish to touch on Head S. 52. As you know, in the present days we are having good prices for tin and our miners are working in full swing—and even Singaporeans are coming to my constituency to prospect for tin as well as people from Penang Island. We should be grateful. This is the second highest tin price after the Korean War and our tin miners are happy and they are making a lot of profits from tin.

Sir, I wish to draw the attention of the Minister of Lands and Mines that in my constituency and in Batu Gajah, the constituency of my Honourable colleague, we do not have a chance of obtaining land for the landless, because most of the lands are under mining leases. Therefore, we do not have even a single F.L.D.A. scheme or fringe alienation or controlled alienation scheme. Land is scarce in my constituency and in the constituency of my colleague from Batu Gajah. I even tried to approach the Honourable Minister of Works, Posts and Telecommunications, Dato' V. T. Sam-

banthan in this matter, because my constituency borders his constituency which has plenty of land, whereas in my constituency most of the land is leased to the mining industry. So, the people in my constituency are really suffering from a shortage of land and the inhabitants of my area are mostly farmers and labourers. Land, Sir, is a problem in my constituency, and I wish to appeal to our Minister to find ways and means to see whether he could allocate some lands for cultivation for the people in my constituency and the constituency of my colleague from Batu Gajah as well.

Now, I wish to refer to an area in my constituency where about three or four hundred acres of land have been given out as a mining lease. This area has been worked out on two or three occasions already—that is an area situated at Tambun, Ampang Bahru and Kopisan. As some of our Honourable colleagues have already mentioned in this House, a lot of the miners have gone into bankruptcy, because they have no experience in the mining industry; they just gamble, and when they get to the bottom they get nothing. That is why they have gone into bankruptcy.

Now, Sir, in this area there are two or three hundred acres of land suitable for farming—the soil there is suitable for a type of local fruit called pomelo. As we all know, the pomelo is an evergreen tree and it bears fruits all the year round. Since our Government's policy is to encourage our people to consume local fruits; and since that particular areas may produce millions of fruits every year—and with research they could even be bottled and sent abroad—I wish to appeal to the Minister to look into this matter to see whether he can use his discretion to repeal some of these mining leases, as otherwise the people in that area will not be safeguarded because these people have been cultivating in that area by just obtaining a T.O.L. and a T.O.L. is on year-to-year basis which is no protection at all. On two or three occasions the miners, being greedy for money, sent teams of boring gangs, and when the cultivators of pomeloes see these gangs come they would shiver,

because they know that once they start boring their area, these miners will put up a scheme and start working in that area, and their livelihood will be affected—it would not only affect their livelihood but you can rest assured that the Tambun town people and the Kopisan and Ampang Bahru people will have to be evacuated to another area, and this will cause hardships to these people. Therefore, Sir, I wish to appeal to our Minister to look into this matter though this is a matter of our State Government. Thank you, Sir.

Mr Chairman: Saya beri tiga minit sahaja lagi.

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan saya berchakap pada pagi ini saya hendak menyentoh satu dua Kepala sahaja, ia-itu Pesuruhjaya Tanah. Tuan Pengerusi, saya menguchap tahniah kepada pegawai² dalam Negeri Pahang menjalankan kerja yang baik, tetapi walau macham mana pun, Tuan Pengerusi, dengan sebab dasar tanah Kerajaan Kelantan menutup pada ra'ayat, negeri saya di-banjiri oleh pelarian orang² Kelantan berkehendakkan tanah.

Ini-lah satu bakti yang menunjukkan bahawa sa-nya pembahagian tanah di-negeri Kelantan itu patut di-kaji oleh Kerajaan, lebeh² lagi Kerajaan Pusat ini. Jadi saya, Tuan Pengerusi, saya ta' berchakap banyak. Saya katakan tadi bahawa sa-nya banyak tanah haram di-buka di-negeri saya. Tetapi, Kerajaan Negeri Pahang bersedia akan menyelesaikan perkara ini.

Timbul-nya tanah haram ini ia-lah sa-bagaimana saya katakan tadi, ia-lah dasar Kerajaan PAS yang tidak mahu membuka tanah—bagi kepada orang yang bukan ra'ayat Melayu—jadi orang itu lari ka-negeri saya—beribu² sekarang ini, membuka tanah haram. Tetapi Kerajaan Pahang—Kerajaan Perikatan—bertimbang rasa; dia chuba layan sa-berapa boleh—mana yang dapat. Jadi, ini saya hendak bagi penjelasan. Tuan Pengerusi, chuma saya suka hendak sentoh sedikit fasal Taman Negara—muka surat 500, S. 58, Butiran (8) OCAR. Penyeleng-

garan, nombor dua bangunan tahun 1966 chuma \$5,500 sahaja. Saya ta' tahu apa-kah perbelanjaan rumah yang hendak di-kenakan sa-banyak \$5,500 itu. Tetapi, walau bagaimana pun, Tuan Pengerusi, saya mula membuat permintaan kepada Menteri Yang Berhormat ini di-atas kedudukan rumah kaki-tangan pekerja di-Taman Negara ini. Pada masa ini, Tuan Pengerusi, sangat dai'f—jika Tuan Pengerusi pergi sendiri pun tuan akan bersetuju dengan saya bahawa sa-nya rumah pekerja² di-Taman Negara itu menggunakan kulit kayu sa-bagai dinding. Jadi, sa-bagai tempat pelanchongan, yang baik di-negeri kita ini, Tuan Pengerusi yang di-lawati oleh sa-bahagian besar pegawai² dan pelanchong² dari luar negeri—ini amat memburokkan nama baik kita dalam lapangan pelanchongan. Pada awal majlis ini dahulu, Tuan, saya bertanya dengan soal Mulut—apa-kah sumbangan Jabatan Pelanchongan kepada kemajuan Taman Negara sa-bagai tempat pelanchongan? Sa-bagaimana yang kita ma'alum, bahawa Menteri Perdagangan menjawab bahawa Taman Negara bukan-lah dalam pegangan Kementerian ini, tetapi ia-lah di-bawah Kementerian Tanah dan Galian. Tetapi walau macham mana pun kerjasama akan di-beri. Jadi, ini-lah saya membuat rayuan kepada Menteri Yang Berhormat supaya menimbang-kan rumah² pekerja di-Taman Negara itu. Saya mengalu²kan Menteri Yang Berhormat ini, kalau ada peluang—disamping kita berehat, kita dapat menyaksikan sendiri keadaan rumah itu.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya juga membuat pandangan sedikit. . . .

Mr Chairman: Kata tiga minit? Ini dah lebeh dah.

Enche' Abdul Razak bin Hussein: Tuan Pengerusi, dengan izin tuan dapat di-tambah sedikit sahaja lagi.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, saya bangkitkan sebab dalam Estimate Kemajuan tahun 1966, ta' ada Jabatan Mergastua ini di-tuliskan di-dalam buku kemajuan ini. Jadi, saya berasa sangsi kalau² ini ketinggalan langsung.

Tetapi tidak-lah saya tahu kalau sa-kira-nya ada di-taroh di-dalam Jabatan lain. Tetapi hemat saya, Tuan Pengerusi, sa-telah saya mengkaji perkara ini, patut-lah di-pertimbangkan. Dalam Buku Estimate tahun 1966, Kementerian Tanah dan Galian, ada Jabatan Mergastua. Jadi, sa-bagai Taman Negara ini di-bawah Kementerian tuan saya memohon dengan ini, Tuan Pengerusi, supaya dapat menimbangkan masaalah yang saya katakan tadi.

Yang akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya terpaksa berchakap atas Jabatan Orang Asli, Tuan Pengerusi. Bagaimana Tuan ketahui, tiap² perbedebatan ini di-jalankan, saya mengambil peluang dan kesempatan. Saya rasa Tuan Pengerusi, chara kita sekarang ini mentadbirkan pengkalan hutan di-hutan bagi orang asli yang ada sekarang ini, saya rasa tidak begitu memberi faedah. Apa sebab yang saya katakan begitu, Tuan Pengerusi, usaha yang kita buat sekarang ini ia-lah kita menggalakkan orang asli itu sendiri berpechah di-antara suku² orang asli. Apa yang kita mahu sekarang ini ia-lah kita persatukan daripada beberapa banyak suku². Jadi, dalam zaman kita hendak meminta ra'ayat lain bersatu-padu, tetapi kita menggalakkan orang asli itu sendiri berpechah penempatan-nya. Di-kawasan saya, Tuan Pengerusi, ada lapan atau sembilan kawasan penempatan Orang Asli ini. Saya perchaya Ketua Pelindong Orang Asli ini pernah pergi melawat. Tetapi saya tidak nampak apa kemajuan yang boleh di-dapati daripada tempat itu. Tetapi bila saya singgah, tengok—lalu di-Gombak ini—kalau bagini keadaan di-perbuat, kita ada nampak sedikit. Jadi, sekarang ini, Jabatan Orang Asli ini lebih memerlukan penempatan orang asli yang lebih dekat dengan Ibu Kota—yang di-fikirkan ini jadi satu tempat pelanchongan. Boleh di-beri tahu kepada pelanchong daripada luar negeri bagaimana Kerajaan kita sekarang ini mentadbir dan mengawali orang² asli.

Saya sudah pernah berchakap, Tuan Pengerusi, di-Sungai Lengkon, di-Jerantut, di-sabelah itu FLDA—lebih

8,000 ekar—yang FLDA ini di-lawati oleh tiap² sa-orang daripada pelawat yang hendak tahu ranchangan tanah kita. Kerana kalau kita tengok penempatan orang asli yang ada di-kawasan itu, akan memalukan, Tuan Pengerusi. Jadi, saya memahamkan, Tuan Pengerusi

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Enche' Abdul Razak bin Hussin: Minta ma'af, Tuan Pengerusi, saya tidak izinkan sebab masa saya pun terhad. Bagaimana pula saya boleh izinkan Yang Berhormat itu berchakap. Jadi, dengan chara bagini, Tuan Pengerusi, kalau kita ada banyak tempat itu—perbelanjaan ubat kita besar. Yang saya maksudkan, kita tempatkan sa-buah tempat yang lebih besar—satu kawasan yang tertentu. Ini kawasan orang asli. Yang saya tahu hari ini—sana satu—60 batu sana, satu. Daripada Kuala mudek ka-Koyan, 60 batu, Tuan Pengerusi—berselerak. Jika kita tidak dapat menyatukan ini, erti-nya kita gagal lagi dalam kita hendak menyatukan orang asli. Jadi ini-lah sahaja yang saya minta izin. Dengan itu saya tamatkan. Terima kaseh Tuan Pengerusi (*Ketawa*).

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Pengerusi, Kementerian saya ini memang-lah tiap² tahun, tiap² masa meshuarat dalam Dewan Ra'ayat, menerima rayuan, terutama sa-kali mengenai pentadbiran tanah supaya boleh di-lichinkan—di-perbaiki lagi. Biasa-nya atas perkara² yang di-timbulkan oleh Ahli² Yang Berhormat saka-lian—jika perkara itu mengenai kuasa² Kerajaan Negeri, dahulu-nya saya selalu-lah berkata saya tidak dapat berbuat apa². Terpulang-lah kepada Kerajaan Negeri sahaja.

Jadi nampak-nya ubat ini tidak dapat mengubat penyakit yang telah di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat sakalian. Tuan Pengerusi, di-dalam meshuarat Commissioners of Lands tidak berapa lama dahulu, di-antara lain, saya telah menerangkan kepada mereka saperti ini. Uchapan

saya itu telah saya buat dalam bahasa Inggeris 'Now, coming to land administration generally, I would like, once again, to stress the importance of having efficient Land Offices in the country. This means we must have efficient staff. The Land Office is the focal point and the most important administrative centre in any district frequented by the public.' dan lain² perkara lagi yang menunjukkan bahawa Kerajaan Pusat sedar, ia-itu pentadbiran tanah di-dalam negeri kita ini berkehendak kepada di-lichinkan lagi, di-perbaikkan lagi, supaya menaikkan hasrat² ra'ayat yang mahu kerja² itu di-jalankan dengan sa-berapa chepat mungkin. Oleh sebab kesedaran ini maka pada ketika itu saya telah menerangkan hasrat Kerajaan Pusat ia-itu dengan berjalan kuat kuasa-nya 'National Land Code' pada 1-1-66 ini semua mereka yang bertanggung jawab untuk mentadbirkan Undang² ini dan peratoran² di-bawah-nya mesti mengetahui dengan sa-dalam²-nya peratoran² yang kita buat. Dan kita telah mengadakan kursus dan terus akan mengadakan kursus itu di-Pusat Latehan untuk pegawai² yang berkenaan di-dalam Land Administration ini.

Jadi apa yang telah saya buat dan apa akan terus Kementerian saya buat menerusi Pesuruhjaya Tanah kita, berhubung rapat dengan sa-berapa boleh-nya dengan semua State Commissioners of Lands and Mines dan mengkaji di-mana satu perkara burok yang penting kita ubahkan dengan sa-berapa segera. Di-meshuarat itu juga saya telah menerangkan kepada Commissioners of Lands and Mines satu tauladan di-mana pentadbiran tanah telah kita dapati sangat² mendukachitakan kita, ya'ani di-dalam sa-buah State ada 500 perkara mengenai "land dealings" ini telah tidak di-daftarkan sungguh pun permohonan untuk mendaftar-nya telah di-hantar kepada office itu dalam tahun 1962 lagi. Jadi bertahun² perkara itu telah tidak di-selenggarakan. Maka perkara ini telah kita mula perbaiki dan bagini-lah chara-nya kita bekerja dan saya minta-lah kepada Ahli Yang Berhormat sakalian sokongan dan kerjasama ia-lah jika-lau Ahli Yang Berhormat sakalian

dapat mengetahui satu tauladan yang tertentu di-mana pentadbiran mengenai hal ehwal tanah itu tidak elok, tolong-lah kalau dapat tulis pada Kementerian saya, pada Pesuruhjaya Tanah, supaya tindakan yang segera dapat kita ambil untuk kerjasama dengan Kerajaan negeri. Dengan chara yang demikian tidak-lah payah kita menunggu sampai kepada persidangan Dewan Ra'ayat untuk memperbaiki perkara itu dan juga penjelasan² dapat saya minta jikalau surat itu tidak begitu terang kita terima mengenai butir² tentang hal perkara yang di-adu atau di-rayukan itu.

Ada-lah menjadi peratoran yang telah kita ikuti, yang telah kita jalankan dalam negeri kita ini ia-itu apabila sa-orang itu telah di-keluarkan T.O.L. patut-lah di-gantikan dengan geran. Ini memang menjadi harapan ra'ayat. Sa-bagaimana yang telah saya katakan, lagi perkara ini kelambatan-nya dan yang lain² tanggung-jawab yang besar ada-lah terpulang kepada Kerajaan Negeri. Jadi saya tidak tahu-lah sama ada tauladan² yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mithal-nya daripada Parit tadi, sa-benar-nya berlaku tetapi bagaimana pun perkara ini tidak-lah akan saya katakan bawa-lah kepada Kerajaan Negeri, saya tidak akan membuat apa². Apa yang akan saya buat mengenai semua masalah² yang telah di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi mengenai pentadbiran tanah telah saya ambil ingatan dan saya akan berhubung dengan tiap² Kerajaan Negeri yang berkenaan untuk mengkajikan dan chuba memperbaiki jikalau ada keburokan itu sa-benar-nya timbul.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat daripada Hilir Perak tadi telah menyentuh masalaah dua orang budak kita daripada Malaysia ini yang telah di-hantar ka-luar negeri untuk belajar Antropology dan di-dalam ucapan saya telah menerangkan chuma sa-orang sahaja akan dapat kita ambil pada tahun hadapan masuk bekerja di-Jabatan Orang Asli ini. Sa-orang lagi apa-kah nasib-nya? Ini satu soalan yang sangat tepat dan saya suka-lah menerangkan di-sini ia-itu bagi Kementerian saya, saya memang suka-lah

supaya pegawai yang memang khas dihantar belajar Antropology ini untuk bekerja dalam Jabatan ini dan perkara ini sedang saya rundingkan dengan pehak yang berkenaan ya'ani pehak Perbendaharaan dan pehak F.E.O. Bergantung-lah kepada wang. Bagaimana pun saya akan chuba dengan sa-berapa daya upaya-nya supaya budak ini akan dapat pekerjaan yang sesuai dengan pengalaman-nya, kerana saya sendiri perchaya sa-orang yang telah kita hantar ka-luar negeri dengan perbelanjaan Kerajaan untuk menuntut satu 'ilmu, apabila balek kita tidak beri kerja apa² itu tidak-lah adil. Saya sendiri dahulu bila balek belajar dengan scholarship pun telah mengalami yang demikian juga jadi perasaan marah kepada Kerajaan itu akan timbul. Jadi, kepada Ahli Yang Berhormat itu saya katakan saya akan berusaha dengan sa-berapa daya upaya-nya supaya pelajar yang berkenaan itu dapat kerja yang berpatutan jikalau-lah saya tidak dapat kebenaran daripada pehak Treasury atau pehak F.E.O. supaya mahasiswa itu berkhidmat di-dalam Jabatan Orang Asli.

Sir, another thing is that under this item of Assistant Instructors it says here we have fully-paid staff of Civil Defence Assistant Instructors, but in the organisation we have instructors who are fully qualified. Now, where is the precedence? Who assists whom? The Assistant Instructors have to assist the qualified Instructors, who form an important section of the Volunteer Service, or the Instructors from the Volunteer Service have got to assist the assistant instructors of the Civil Defence? This position has got to be cleared up. Therefore, as I requested before in this House to the Honourable Minister for Civil Defence, I request for a policy to be worked out in the Civil Defence Organisation, equating the positions of the officers and the men, and defining the policy the duty, and the responsibility of the staff officers. Well, it is time now, thank you, Mr Chairman, Sir, but I would, in conclusion, request the Honourable Minister to give more time to Civil Defence.

Enche' Wan Abdul Rahman bin Datu Tuanku Bujang (Sarawak):

Terima kasih Tuan Speaker, Tuan Pengerusi, ma'af, saya suka hendak berchakap sedikit atas S. 60. Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan menyatakan kemegahan saya dengan Sarawak dalam hal Local Government atau pun Local² Council dan District Council di-Sarawak. Pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, Sarawak ada-lah mempunyai Local Government atau

pun Local Council yang boleh di-katakan satu daripada negeri yang mempunyai kebolehan dan mempunyai Council yang boleh di-megahkan didalam negeri² di-surrounding-nya. Local Council ini, Tuan Pengerusi, tujuan²-nya menurut bagaimana ucapan Governor² yang telah lepas di-waktu saya maseh dalam Legislative Council dahulu, ia-itu Council Negeri pada tiap² Council Negeri itu Tuan Governor ada memberi ucapan² dan penerangan apa-kah tujuan-nya diadakan Local Council di-Sarawak. Tujuan² yang di-kemukakan oleh Governor itu ia-lah untuk mempelajari, mempelajari menguasai berkuasa sendiri ia-itu Self-Government.

Tuan Pengerusi, Sarawak pada masa ini telah lebih dua tahun mendapat kemerdekaan ia-itu menerusi Malaysia. Oleh yang demikian Tuan Pengerusi, saya rasa sampai masa-nya Sarawak tidak harus mempunyai District Council lagi. Sebab menurut bagaimana yang di-katakan oleh Tuan² Governor yang telah lepas itu kita akan mempelajari bagaimana menjalankan pemerintahan kerajaan kita sendiri apabila kita merdeka kelak.

Satu lagi Tuan Pengerusi, di-Sarawak ada mempunyai dua macham District Council satu daripada-nya ia-lah Urban District Council atau pun Municipal Council, satu daripada-nya ia-lah District Council. Saya beri satu gambaran di-Dewan ini berkenaan dengan Kuching District. Kuching District mempunyai dua council satu daripada-nya Municipal Council dan satu lagi Rural District Council. Saya chukup mempunyai pengalaman berkenaan dengan Kuching District Council, Tuan Pengerusi. Saya telah pun menjadi Chairman di-sana hampir² dua tahun. Kuching Rural District Council mempunyai kawasan yang sangat² besar kalau di-bandingkan dengan Municipal Council di-Kuching. Pada hal income-nya Rural District Council chuma kecil² sahaja di-pungut oleh Rural District Council, tetapi pendapat yang besar² mithal-nya rate dalam kedai², berkenaan dengan kedai besar², semua di-kumpul oleh Municipal Council. Jadi dengan itu Kuching Rural District Council sangat² payah hendak menjalankan, hendak memenohi perminta-

an² orang ramai terutama sa-kali, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan jalan raya, berkenaan dengan sekolah, amat payah. Lagi pun, Tuan Pengerusi, dengan ada-nya Council, berdistrict Council bagini atau pun Municipal Council terutama sa-kali district² council yang kecil² bagitu sa-olah² perintah membuat Council itu sa-bagai perisai sahaja. Apabila ada kechaman daripada public atau pun critic² dari public itu semua-nya ditumpukan kepada District Council, bererti pemerintah pusat berlepas tangan dalam perkara ini.

Dengan hal yang demikian, Tuan Pengerusi, saya minta-lah Kementerian ini mengkaji sa-mula dengan sa-berapa dapat atas soal Sarawak supaya di-hapuskan sa-kali District² Council di-Sarawak. Terima kaseh.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Mr Chairman, Sir, I rise to speak on the question of low-cost housing and, if I may, would like to read for the benefit of this House some of the answers given by the Honourable Minister himself. In answer to some of the question that I have asked about the units of low-cost housing, he has written down here: for 1960 the number of units built—110; for 1961—418; for 1962—815; for 1963—2,628; for 1964—2,491. Now, Mr Chairman, Sir, the Minister himself says that over a 20 year period what is necessary is 16,000 units per annum; then he has stated that, to allow for the natural increase in population, what is needed is 18,720 units per year; and these give us a total, Mr Chairman, Sir, of 34,720 units per year of low-cost housing to be built per annum. Mr Chairman, Sir, these are the figures that have been supplied by the Honourable Minister in reply to some questions that I have asked and you can see how puny have been the efforts of his Ministry. Perhaps, Mr Chairman, Sir, it may not be his fault; he cannot squeeze money out of his hard-headed colleague, the Minister of Finance, but I am sure you will agree with me when I say that the efforts made so far are totally inadequate.

Now, Mr Chairman, Sir, let us see what provisions are there that he is making for next year. I have with me

here fortunately, the Development Estimates. I am not trying to debate the Development Estimates for next year, but I wish to point out to the Minister that for the next five years—it is laid down in this plan—provision is made for \$115 million, of which only \$20 million is for next year. Now, Mr Chairman, Sir, I will do a little arithmetic. Assuming that a low-cost housing unit costs \$5,000, which is a very small and modest figure, the figure that is required for a year to allow for catching up the backlog and to allow for the catching up of the natural increase of population, allowing for people who can build their own homes and the like, people who live in Government quarters and the like—is not \$20 million as laid down for next year, but the sum that is required for next year, according to the Minister himself, is \$173,600,000. Now, Mr Chairman, Sir, I hope I have drawn the attention of this House as to how totally inadequate are the allocations in regard to low-cost housing. If you are to have industrialised housing, then you must provide adequate work for these people, who are putting in a great deal of money into capital costs for equipment—and I say that \$20 million is totally inadequate. The Jalan Pekeliling Scheme takes about \$13½ million. If this is to come out of the Development Estimates for next year, I do not know how the rest of the country is to get any money for low-cost housing. Consequently, Mr Chairman, I would urge—I do not think I need urge the Minister because he knows very well—that the allocations for the next five years are totally inadequate. I notice that there is a ray of hope. He talks about raising every possible avenue of finance for low-cost housing. Presumably, I hope, it means that he is exploring avenues of loans for such purpose. I do hope that he will actively pursue this avenue of capital for more money for low-cost housing because what has been provided—according to his figures—these are not my figures, these are the figures that he has given me in answer to some questions for Written Answers that I have asked—34,729 units and, as I have calculated they cost \$173,600,000.

Mr Chairman, Sir, I make no apology for returning to this Jalan Pekeliling Scheme again. Now I want to ask the Minister if it is true a firm known as Lewis Construction Company has made bids for that Scheme. And if so, is he aware of it? If he is not aware of it, will he cause enquiries to be made as to whether there is any truth in it or otherwise? I am not saying that it is true, Mr Chairman, Sir, lest the Minister challenges me. I am asking whether he is aware, and if he is not aware, whether he will cause enquiries to be made as to whether a firm known as Lewis Construction Company has for the past nine months made bids for that contract. I do hope that he will order thorough investigations as to whether such bids have been made or not.

Mr Chairman, Sir, I shall now come to a few things that are not in these estimates but that are within the portfolio of the Minister for Local Government and Housing—and I refer to this little place known as Kuala Lumpur, of which I am an inhabitant, of which the Honourable Minister for Local Government and Housing also is a resident.

Mr Chairman, Sir, it is a well-known fact that the hawkers problem in this country has gone haywire despite all the efforts of the Pesurohjaya Ibu Kota to deal with such problem. I want to point out to the Honourable Minister that even the Alliance Party has set up a special committee on this matter and is thoroughly dissatisfied with the handling of the hawkers problem. Now, I just want to ask the Minister, if he is aware that there is such a Committee—I think it is the Alliance Hawkers Committee for Kuala Lumpur—and whether such a Committee has any *locus standi vis-a-vis* the Pesurohjaya Ibu Kota, because I read from the Press that when allocations in the market places are being made the Alliance Committee on Hawkers are being consulted in these allocations. Now, Mr Chairman, Sir, if it is true, and I see it from the Press and it has not been contradicted—I stand corrected . . .

Enche' Khaw Khai-Boh: Mr Chairman, Sir, it is too presumptive for the

Honourable Member to say that I have not contradicted him, I did not do so, because I want the Honourable Member to finish what he says; and then I will reply. I think it would be presumptive to just look at my face and say that I have not contradicted—that means I put on a poker face (*Laughter*).

Dr Tan Chee Khoon: I am not saying that if he puts on a poker face, he is in agreement with me. I am not saying that. I am only enquiring Mr Chairman, Sir, if he is aware that such a thing has taken place—that the Hawkers Committee has been consulted when allocations for places in various markets, particularly in the Chow Kit Road Market, or rather the Jalan Haji Hussein Market, and in the Pudu Market have been made for hawkers, because if it is true, Mr Chairman, Sir, then it raises a very important question. There you have the Alliance Hawkers Committee being consulted: supposing I form a Socialist Front Hawkers Committee as I can very well and easily form such a thing and I can also highlight some of these difficulties

Enche' Tan Toh Hong: On a point of clarification, Sir—I think the Selangor Alliance purposely created this Committee in order to look after the welfare of the hawkers. Now, why did not the Socialist Front Party, if they are genuinely concerned about the hawkers, try to form a committee in the first place. Now that we have done good work for the hawkers, I should not see any reason why they should beat about the bush and cry over spilt milk for having missed the bus.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, I am not saying that the Alliance Hawkers Committee has done bad work or has done good work. I am only raising a matter of principle. I am asking the Minister for Local Government and Housing whether the Alliance Hawkers Committee has any *locus standi* vis-a-vis the Pesurohjaya Ibu Kota, because if it has any *locus standi* vis-a-vis the Pesurohjaya Ibu Kota, then, as I said before, the Socialist Front can easily do the same thing, but, Sir, we have been told by the Minister of Labour that politicians should not

move into this trade union field, and I think there is a grain of truth in it. Likewise I think politicians should not exploit the hawkers for their own ends.

Enche' Tan Toh Hong: Mr Chairman, Sir, on a point of clarification, we are not exploiting them for our own ends, but looking after welfare

Mr Chairman: He is not giving way.

Dr Tan Chee Khoon: Sir, I am not giving way. Since you want me to be very brief, Mr Chairman, Sir, and I have a little bit more to talk about my little backyard of Kuala Lumpur in which I believe quite a number of people in this House are residents, including the Member for Bukit Bintang. If I may repeat, if the Alliance Hawkers Committee has *locus standi* vis-a-vis Pesurohjaya Ibu Kota, then if I form a Hawkers Committee and I make proposals to the Pesurohjaya Ibu Kota, then I, properly speaking, should have a say also in the allocation of stalls in the various markets, because there have been lots of complaints made to me on this matter—"Why should so-and-so have a say? Why should not you have a say?" Now, I do not believe in mixing politics with the hawkers. I would rather leave it to the Pesurohjaya Ibu Kota to deal with it in their own way, and I come to this House and deal with it on matters of policy and let the Minister answer them, because on matters of details, the actual implementation of the policy should, properly speaking, be left in the hands of the Civil Servants in the Pesurohjaya Ibu Kota to be dealt with. I do not think any Member of Parliament or any State Assemblyman should have a hand in it.

Now, Mr Chairman, Sir, also it is a well-known fact that many of the roads in Kuala Lumpur are in a deplorable state. I notice that in a press statement the Member for Bukit Bintang has made the announcement that Jalan Brunei has got an allocation of, if I am not mistaken, \$15,000 from the Pesurohjaya Ibu Kota to make the road up to Municipal standards. I stand corrected on this.

Enche' Tan Toh Hong: \$10,000.

Dr Tan Chee Khoon: The figure does not matter, Mr Chairman, Sir. The principle is important. Just because it happens to be in the constituency of Bukit Bintang, it has got \$10,000 for making the road up to Municipal standards. I presume that before making up the road it was a private road—it was not a public road. It was a private road and it happened some time this year.

Sir, what I want to draw to the attention of the Honourable Minister of Local Government and Housing is this. More than a year ago, I had asked the Minister for Local Government and Housing about my backyard of Batu, Jalan Haji Taib. I made an Adjournment Speech and the Minister promised that he would repair Jalan Haji Taib. That was more than a year ago. In his reply now, he says: "No can do. You know, this is a private road; it costs \$187 per linear foot for the frontages; pay if you want the road to be made up". Now, I do not see the justice or the logic of it, Mr Chairman, Sir. On the one hand, Jalan Brunei, a private road, gets made up into Municipal standards? I do not know how by a magic wand they get the money—\$10,000. On the other hand, I made an Adjournment Speech more than a year ago and the Honourable Minister said that he would take action. The reply is here, Mr Chairman, Sir, "No can do; you have to wait; we cannot acquire land; it costs \$187 per foot to make good that road up to Municipal standards; it costs the frontages so much money" Now, the Honourable Member for Bukit Bintang has agreed that \$10,000 from Municipal funds has been obtained. Consequently, I want to ask the Minister in regard to my backyard—it is bigger than Bukit Bintang, but may be it is not so important as Bukit Bintang, Mr Chairman, Sir—why I do not know; that is for the powers that be to decide—why should there be any discrimination? If the Minister wants, I can talk till the cows come home on the deplorable state of the innumerable number of roads in this little city of Kuala Lumpur, which need

repair and making-up to Municipal standards. As one person told me: "When my car goes along that road, it rocks about like a ship in a storm, and if I am carrying my pregnant wife to the maternity hospital, that little extra shake may cause her to deliver in the car". Mr Chairman, Sir, I do not know whether the Pesuruhjaya Ibu Kota will be responsible if such a thing does happen.

Mr Chairman, Sir, I also wish to draw the attention of the Minister to the inadequate lighting in many parts of Kuala Lumpur. I specifically want to draw his attention to the inadequate lighting in Jalan Kasipillai where, I believe, there have been requests for lighting in that area. But unfortunately—I do not know whether because it is in the constituency of Batu—*Kapala Batu* can cry his head off but he will not get what he wants. I do know that the Minister does not take that attitude and I do hope he will look into this matter.

Mr Chairman, Sir, I have asked a question on the developers of the Selangor and the Malayan Mansions in Batu Lane. In the first instance, I do not know why planning permission has been given to the building of these two blocks of flats, when we know that that area is literally a fire trap. There is no adequate exit from it. On the one end you have a lot of squatters; on the other end you have the narrow Batu Lane; and on the other side Jalan Melayu, which, in any case, is very congested. In reply to my question as to whether the developers have been asked to build two bridges across Sungei Klang in that area, the Minister says that the answer is "No; however, the developers have agreed to build a bridge". I would like to draw the attention of the Honourable Minister that if more development is to take place in that area—and I gather that more development will take place in that area—then obviously not one but many more bridges should be built along that area, for ease of traffic for one thing; and in any case if there should be a fire, there must be easy exit from that place. I notice that there is a large area along that plot bounded

by Campbell Road, Jalan Tuanku Abdul Rahman and Jalan Ampang which awaits development. I do hope that the Pesurohjaya Ibu Kota, if any developer should apply for planning permission to develop that area, a pre-requisite should be that they build access roads whether across the Klang River or into Jalan Tuanku Abdul Rahman before they get permission to develop that area.

Now, Mr Chairman, Sir, finally, I come to the question of civil disasters. I do not know whether civil disasters include floods in this country. I would think, from the tone of the speech by the Honourable Member for Penang Utara, that civil disasters include floods. If they include floods, Mr Chairman, Sir, I wish to draw the attention of the Honourable Minister of Local Government and Housing that he should have a very close look at the floods in Kelantan and Trengganu. We cannot live at the mercy of the freaks of nature in this country. The Central Government should investigate into the causes of these floods and provide measures so that the flood waters get easy outlet towards the sea so that we need not have these perennial floods that have come to be accepted by the inhabitants of that area. Why should they, year in and year out, be subjected to floods, have to remove their homes, or get their homes swept away by the flood waters? Surely, it is not beyond the capacity of the Central Government to see that there is proper canalisation of these flood waters so that the people of Kelantan and Trengganu can live in peace and harmony?

Thank you.

Mr Chairman: The sitting is suspended for 15 minutes.

Sitting suspended at 5.40 p.m.

Sitting resumed at 5.55 p.m.

Debate resumed.

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud (Johor Bahru Barat): Tuan Pengerusi, saya sokong atas Rang Perbelanjaan ini dan saya hendak berchakap sedikit sahaja ia-itu berkenaan dengan S. 61, muka 210, Butiran (1), ia-itu Pesuroh-

jaya Peranchang Bandar dan Kampong. Saya suka berchakap sedikit berkenaan dengan Bandar Johor Bahru. Bandar Johor Bahru ini dudok-nya dekat sekali dengan Singapura hanya di-cherai-kan oleh Selat Tebarau sahaja. Jadi kalau-lah pelanchong² datang hendak melihat Malaysia, mesti-lah berjumpa dengan Johor Bahru. Johor Bahru ini satu bandar yang lama dan burok, sunggoh pun nama Johor Bahru tetapi bandar itu sudah burok, jadi kalau pelanchong² datang dari luar negeri hendak melihat Malaysia dan apabila mereka itu melihat Johor Bahru ini, tentu-lah ada satu perasaan, kalau di-bandingkan dengan Singapura jauh beza-nya, Kuala Lumpur jauh sa-kali tentu-lah mereka tidak tiba ka-mari, apabila mereka sampai ka-Singapura walau macham mana pun mereka itu hendak datang dan melihat Malaysia.

Jadi saya suka shorkan supaya Johor Bahru itu di-pagar, di-betulkan, dan di-chantekkan. Johor Bahru memang tempat-nya molek, tetapi rumah²-nya banyak yang burok dan kalau boleh, Kementerian ini memberi peruntukan pinjaman atau pun peruntukan perchuma kepada Majlis Bandaran Johor Bahru supaya dapat di-betulkan bandar Johor Bahru itu menjadi bandar yang molek. Johor Bahru mempunyai tepi laut yang chantek, oleh kerana tidak chukup wang maka Johor Bahru tertinggal-lah macham itu. Kalau pun hendak di-betulkan bandar itu, ini mengambil masa yang sangat lama, jadi saya berharap kepada Menteri yang berkenaan dapat menyiasat kedudukan bandar Johor Bahru itu dan kalau boleh, beri-lah peruntukan yang sa-chukup-nya bagi memugar bandar itu menjadi satu bandar yang molek, sebab Johor Bahru ini kepala negeri—Johor, kalau tidak kerana Johor Bahru masuk dengan menjadi Persekutuan Tanah Melayu saya perchaya sudah lama Johor Bahru itu di-pugar sa-mula. Ini-lah satu ranchangan yang patut di-buat di-Johor Bahru, tetapi malangnya sudah masuk dalam Malaysia terpaksa-lah menunggu ihsan daripada Kerajaan Pusat. Itu-lah sahaja harapan orang² daripada Johor Bahru supaya dapat bandar Johor Bahru itu di-betulkan untuk menjaga nama Malaysia

yang mashhor seluruh dunia ini. Terima kaseh.

Enche' Mohd. Tahir bin Abdul Majid (Kuala Langat): Terima kaseh Dato' Pengerusi, saya hanya suka menyentuh dalam perkara S. 60 berkenaan Pesuruhjaya Ibu Kota. Saya suka-lah menegaskan juga bagaimana ahli daripada Bukit Bintang telah menegaskan pada pagi tadi berkenaan keadaan dan kedudukan Kampung Bharu. Saya perchaya kaedah dan keadaan kampung² Melayu di-sekitar Kuala Lumpur atau pun Ibu Kota ini boleh jadi tidak di-sedari oleh Menteri yang berkenaan. Ada lagi satu kampung yang chukup tua ia-itu kampung Haji Dollah Hukum langsung tinggal terus tidak ada satu pembenaan pun di-jalankan di-tempat itu. Penduduk² di-sana ada membayar chukai juga saperti biasa dan chukai mereka dipungut, tetapi kemudahan dan faedah tidak di-jalankan di-tempat yang tersebut. Berkenaan dengan keadaan² kampung² Melayu di-sekitar Kuala Lumpur ini atau pun dengan istilah baharu "Kampung Bumiputera" ini ada-lah satu kemegahan bagi kita kalau pelanchong² dan pelawat² melihat tempat² ini di-pulehkan sa-mula, diberi ranchangan yang betul, di-berikan planning yang betul. Maka saya perchaya kedudukan Kampung Baharu di-tengah² pusat Ibu Kota ini, yang dikatakan orang "human zoo"—hilang-lah perkataan itu. Tetapi malang-nya tidak ada memberi kesan dalam satu² peranchang sa-kali pun. Oleh kerana itu-lah, wakil, Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Bintang, telah menegaskan perkara ini berkali² dan saya sa-bagai anak tempat itu berasa sangat-lah dukachita di-atas kedudukan dan keadaan kampung yang tertua itu terbiar sahaja.

Suka saya menarek perhatian dalam S. 60 juga, muka 509. Di-dalam pembangunan ini, peranchangan pembangunan yang di-jalankan di-sekitar tanah ayer kita, saya rasa renchana peranchang ini jangan-lah memilih tempat, jangan-lah memandang tempat—memandang kawasan. Ia-itu kalau kawasan² yang teristemewa, maka scheme atau pun renchana peranchang

itu istemewa-lah letak-nya. Tetapi, kalau tempat² yang tidak begitu istemewa di-pandang begitu hina, maka renchana atau pun scheme, ambil ada sahaja. Sa-olah² tidak mengapa-lah. Kalau kita sudah bagi dia asal ada, chukup-lah.

Saya suka menarek perhatian Kementerian yang berkenaan ranchangan di-jalankan berkenaan dengan Rumah Murah di-Kampung Pandan, yang baharu² ini menjadi satu rupa yang burok oleh kerana tanah² lombong itu runtuh. Rumah² semua sa-kali runtuh. Maka ada-kah ini merupakan satu kenyataan yang terang bahawa renchana mengadakan Rumah Murah itu ambil ada sahaja? Tidak di-siasat lebeh dahulu, bahawa tempat tapak tanah rumah itu yang hendak di-dirikan, boleh tahan atau tidak. Ini-lah rupanya yang di-jalankan oleh peranchang yang ada di-dalam Kementerian atau pun di-Ibu Kota pada hari ini. Malangnya perkara ini tidak sa-bagitu dahshat. Kalau di-timpa oleh kematian yang begitu—banyak rumah yang boleh jadi runtuh oleh kerana kurang siasatan. Dan begitu juga-lah di-dalam Kampung Dato' Keramat. Mereka juga ada membayar assessment—chukai pintu. Tetapi separoh tempat di-buat jalan dan separoh tempat tidak di-adakan jalan. Separoh tempat di-adakan parit, separoh tempat tidak di-adakan parit.

Kedudukan kesehatan di-situ maseh merosot. Jadi, ta' tahu saya hendak mengatakan bagaimana kedudukan. Di-mana kesilapan-nya? Di-mana kesalahan-nya? Sila-lah tinjau dan sila-lah selideki kedudukan yang sa-benarnya² kampung² Melayu di-dalam Kuala Lumpur ini. Apa-kah lagi yang saya katakan tadi, sa-bagai Kampung Haji Abdullah Hukum—langsung tidak ada benda. Jalan tidak ada, parit tidak ada, lampu tidak ada—apa pun ta' ada. Jadi tinjau-lah. Mereka juga ada membayar chukai pintu (assessment) tiap² tahun. Mereka tidak tahu ka-mana hendak menyuarakan. Kapada siapa hendak di-sampaikan. Sampaikan kapada Pesuruhjaya Ibu Kota—jawab-nya ini ada-lah berkenaan dengan Negeri. Negeri kata Ibu Kota. Saya shorkan di-sini, Dato' Pengerusi, supaya Jawatan-kuasa Penasehat Ibu

Kota, wakil daripada Kementerian dan wakil daripada Kerajaan Negeri, berunding-lah menchari satu rupa jalan yang dapat menentukan bagaimana-kah aliran² yang patut kita bawa bagi membena kampung² ini supaya jangan jadi satu sungutan yang dahshat di-hari yang akan datang.

Sa-lain daripada itu, Dato' Pengerusi, berkenaan dengan peranchang tadi. Saya kembali balek kepada S. 61, muka 510, berkenaan dengan peranchang² di-kawasan² Majlis Tempatan. Saya suka-lah memberikan perhatian sadikit kepada Menteri yang berkenaan, ia-itu kawasan Majlis Tempatan ini telah beberapa tahun lamanya—memakan belasan tahun—18 tahun, 19 tahun, maka keadaan dan kedudukan rumah² tempatan semua itu sudah runto, sudah rahak. Dan saya berharap juga-lah, di-dalam mengadakan rumah² murah, patut-lah juga memberi pandangan kepada tempat² ini, supaya dapat mereka memiliki satu rumah yang sempurna dan sederhana. Dan bagitu juga keadaan² tempat itu, supaya jalan parit di-perbaiki.

Satu perkara sahaja lagi, Dato' Pengerusi, ia-itu keadaan di-dalam Majlis² Tempatan itu, dan juga di-kampung², saya pandang apabila membuat satu planning—lay-out plan, satu perkara selalu tinggal. Tempat anak² berehat—bermain, tempat ber'amal-ibadat, sama ada masjid, sama ada temple, sama ada gereja—ini sama sekali terlupa. Saya harap di-dalam perhatian itu juga-lah akan memberikan tempat yang luas supaya dapat anak² ini sama ada bermain atau pun beribadah. Sa-takat itu sahaja-lah, Dato' Pengerusi. Terima kaseh.

Enche' Ng Fah Yam (Batu Gajah): Mr Chairman, Sir, I rise to support the allocation for the Ministry of Local Government and Housing. I wish to congratulate the Honourable Minister because in such a short period he has implemented so many housing projects.

Now, Sir, I come to touch on page 512, Head S. 62. I refer to my constituency regarding fire services. I am thankful to have a fire station in Batu Gajah, but regret to say that this fire station is no longer able to cope with

the needs of my constituency, because kampongs and new villages for round about 16 miles are serviced by the Batu Gajah Fire Station and on the past few occasions it has happened that the fire has burnt down structures before the fire engine could arrive. Mostly in these kampongs and villages, all the houses are built of attaps and timber which are subjected to fire easily. In view of this, I appeal to the Minister concerned to consider my request to have a new fire station to be built at Tanjong Tualang to cope with any emergency in case fire breaks out around this area. Thank you Sir.

Enche' Soh Ah Teck (Batu Pahat):

Sir, with your permission, I would like to bring two points to the attention of the Honourable Minister Point No. 1, Sir, falls on page 509, Supply Head 60, Sub-head 9, that is, Development and Minor Works in Local Council Areas. Sir, complaints have been very prevalent among Local Councillors that their local councils have not been getting their money's worth for work done—I mean for works for which funds have been allotted by this Ministry. The usual complaint, Sir, is that local people have not been allowed to compete in such tenders and as a result, contractors from outside come and do their work in a haphazard manner. Well, Sir, I am not insinuating any malpractices, but certainly during our visits to our constituencies Sir, the work we have seen done leaves much to be desired.

Now, point No. 2, Sir, falls on page 410, Supply Head 61, Sub-heads 3 and 7. Sir, in the whole State of Johore—I think, as in other States as well—there is only one Town Planner, and the poor chap, Sir, has to deal with whatever work concerning the whole State, including the local councils and the town councils as well. Well, he is doing his work all right, Sir, but as a result of his short-handedness a lot of development work, especially those of private developers, private investors, have to be held up. Now, of course we do appreciate the private investors, Sir, for their keenness in trying to build houses in town areas, but owing to the fact that the town planners could not cope with the work as they have to deal

with Government work first, this has very much handicapped the progress of towns. Now, I implore the Honourable Minister, Sir, to recruit and allot more officers of this category to speed up such work. Well, I certainly do agree that such work would incur more expenses, but I guess, Sir, that if more fees were to be lavied on plans, certainly the private investors would be too willing to pay. Thank you, Sir.

Enche' Mohamed Idris bin Matsil (Jelebu-Jempol): Dato' Pengerusi, dibawah Head S. 60, saya akan memberi sedikit pandangan di-atas dua perkara sahaja, yang pertama Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Saya ada-lah menyokong pendapat sahabat saya, wakil Kuala Trengganu Selatan, yang pada mulanya telah berucap meminta perhatian yang jauh daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ia-itu Menteri Perumahan supaya ranchangan² perumahan, sama ada rumah² murah atau pun rumah² pangsa, patut-lah dan telah sampai masa-nya di-utamakan tempat² atau kawasan² di-dalam sa-sa-buah negeri dan jangan-lah di-tumpukan kepada Ibu Kota Kuala Lumpur ini sahaja. Kerana kita ketahui di-Ibu Kota ini memang banyak ahli² jutawan, ahli² investors dan sa-bagai-nya yang barangkali dengan jasa baik Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, mereka itu boleh sama bertanggungjawab untuk mendirikan rumah² murah dan juga rumah² pangsa dengan harga kalau di-jual atau pun dengan sewa kalau di-sewakan sa-bagaimana yang di-ranchangkan oleh Kerajaan.

Saya faham juga, Dato' Pengerusi, ranchangan perumahan ini hendak-lah ada kerjasama yang rapat dengan Kerajaan² Negeri sa-umpama menyediakan kawasan atau tanah-nya dan kemudian itu bekalan² ayer dan eletrik-nya. Apa yang saya tujukan, Dato' Pengerusi, manakala sampai masa dan ketika-nya ada satu² peruntukan, umpama peruntukan pinjaman, maka patut-lah di-utamakan kawasan² yang saya sebutkan tadi. Di-samping itu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan dengan kerjasama yang baik daripada Kerajaan Negeri Sembilan maka satu Ran-

changan Perumahan Murah telah dapat di-laksanakan di-kawasan saya dan telah pun di-tunggu sekarang. Tetapi ada lagi beberapa tempat yang patut di-laksanakan kerana dasar ranchangan rumah murah ini ia-lah kerana hendak mengatasi kedudukan atau tempat² yang sesak atau kawasan² yang kecil di-duduki oleh beberapa ramai penduduk satu² kawasan itu.

Yang kedua, Dato' Pengerusi, saya hendak menyentoh memberi pendapat saya sedikit sa-banyak di-atas Head S. 60 juga ia-itu Surohanjaya bagi menyiasat pentadbir Majlis² Bandaran. Saya tidak-lah memberi pendapat saya bagaimana kedudukan Majlis² Bandaran di-negeri² yang lain atau di-kawasan² yang lain hanya saya menunjukan kepada sa-buah daerah atau pun tempat-nya di-dalam kawasan saya sendiri berkenaan dengan keadaan, kedudukan dan chara pentadbiran Local Council atau Majlis Tempatan di-situ. Sa-patut-nya pada pendapat saya, Dato' Pengerusi, Surohanjaya ini telah tiga atau empat tahun yang lalu di-tubuhkan, kerana apa yang telah berlaku bukan sahaja sa-bagaimana yang telah berlaku di-bandar Seremban tetapi berlaku di-dalam kawasan² Local Council yang kecil² di-tempat² yang lain terutama sa-kali di-kawasan saya dan tidak payah-lah saya sebutkan mana tempat-nya kerana takut² besok saya balek kena hentam pula oleh penduduk² di-sana.

Chara² pentadbir-nya sangat-lah mendukachitakan dan kerjasama yang erat ada tempat² itu tidak ada sama sa-kali atau tidak ada langsung di-antara² Ahli² Majlis Local Council itu dengan Pegawai² Daerah-nya-kah atau Penolong² Pegawai Daerah-nya atau Pegawai² yang lain yang dudok bermeshuarat dari satu masa ka-satu masa sa-bagai penasihat kepada Majlis Tempatan itu. Beberapa banyak chukai² sa-umpama chukai pintu dan sa-bagai-nya tidak dapat di-pungut dan berlantok².

Dan di-dalam S. 60 juga, muka 509 kita maseh lagi menguntokkan \$200,000 kerana bantuan² kepada kawasan Majlis Tempatan ini. Saya perchaya kalau tadbiran sa-sabuah kawasan

Majlis Tempatan itu lichen maka tentu-lah satu masa kelak bantuan ini dapat di-kikis langsung daripada anggaran perbelanjaan ini dan ada pula masa dan ketika-nya kerana memandangkan keadaan dan sa-bagai-nya maka pehak Pemungut Hasil Tanah atau pun Collector of Land Revenue, mithal-nya, satu² tempat itu membenarkan tanah² di-keluarkan dengan jalan TOL kerana untuk membuat pondok² sementara kerana keadaan yang sesak di-dalam sa-sabua kawasan itu.

Tetapi, apa telah jadi, Tuan Pengerusi, rumah² batu telah di-dirikan dengan tiada mengikut sharat² T.O.L. itu. Dan manakala telah di-dirikan rumah² batu dengan tiada mengikut sharat² itu walau pun dengan nasihat pegawai² tempatan itu hendak-lah di-dirikan rumah² itu dan mengikut sharat tanah itu dan mengikut pelan² yang telah di-reka atau sa-bagai-nya, tetapi pehak Local Council yang saya sebutkan tadi maseh membelakangkan nasihat² itu dan mereka mendirikan rumah² batu yang berharga \$10,000 atau \$15,000, yang bukan senang hendak di-pechahkan atau hendak di-bulldoze bagitu sahaja. Jadi dengan keadaan yang demikian, dengan pentadbiran yang kochar kachir macham itu, maka tentu-lah satu masa kelak pehak Kementerian ini juga yang akan bertanggung-jawab dan yang akan menchari jalan dan ikhtiar bagaimana hendak mengatasi-nya.

Saya berharap, Dato' Pengerusi, Menteri yang berkenaan ini hendak-lah berani, jangan takut² manakala laporan Surohanjaya ini di-keluarkan mengikut ucapan Yang Berhormat Menteri dalam masa enam bulan ini barangkali harus di-keluarkan. Maka apa² shor atau recommendation daripada Surohanjaya ini patut-lah di-ambil ingatan dan mana² yang boleh di-jalankan hendak-lah di-jalankan. Walau pun kita patut menuju kepada pergerakan atau perjalanan yang mara ka-hadapan, tidak gosan ka-belakang. Tetapi kalau ada pun di-dapati satu² Local Council itu yang terpaksa di-repot balek kepada Town Board dan sa-bagai-nya, kerana kepentingan kawasan itu dan kepentingan pen-

dudok² di-kawasan itu, maka kita hendak-lah dengan berani-nya melaksanakan perkara itu. Kalau tidak, tentu-lah sa-bagaimana yang saya sebutkan tadi, sungutan² penduduk² di-dalam sa-sabua kawasan itu tidak akan habis², dan nama baik ahli² Local Council yang di-pileh itu akan di-kata orang. Walau pun ada sa-tengah daripada sa-tengah-nya menjalankan kerja-nya dengan baik, tetapi tidak dapat kerjasama daripada pehak Pengerusi-nya. Dan tidak dapat pula kerjasama daripada pegawai² yang berkenaan di-dalam sa-sabua kawasan itu. Ini-lah sahaja, Dato' Pengerusi, perkara² yang dapat saya sampaikan bagi perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu, terima kaseh.

Enche' Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Dato' Pengerusi, saya mengambil bahagian berchakap dalam S. 60, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sa-kali lagi saya mengulangi rayuan supaya Yang Berhormat Menteri tidak melupakan Melaka dalam mengadakan ranchangan rumah murah ini. Sa-tahu saya Kerajaan Negeri Melaka telah mengadakan ranchangan rumah murah, umpama-nya di-Bandar Hilir, Melaka, di-Bukit Baharu dan akan datang di-Bukit Beruang. Kerjasama daripada Kementerian yang berkenaan berhubung dengan kewangan, ini-lah rayuan saya supaya dapat penduduk² dalam bandar Melaka bukan-lah penoh sesak, tetapi sangat-lah berkehendakkan rumah² pangsa ini, rumah² murah.

Dato' Pengerusi, kalau kita perhatikan kaki-tangan Kerajaan yang ada di-dalam Bandar Melaka itu, kebanyakan menyewa rumah jauh dan tidak ada mempunyai rumah, umpama-nya kaki-tangan Kerajaan di-hospital. Ini juga harap mendapat perhatian daripada Kementerian juga bagi pehak buroh² yang bekerja dalam kawasan bandar sangat-lah kekurangan rumah.

Dato' Pengerusi, sa-lain daripada itu saya suka berchakap berhubung dengan kawasan Melayu di-Kampung Baharu Kuala Lumpur ini. Walau pun saya bukan wakil daripada Kuala Lumpur tetapi saya dudok masa ini di-Kampung

Baharu. Dato' Pengerusi, sa-bagai mana yang telah di-terangkan oleh wakil Bukit Bintang tadi, saya sendiri menyewa rumah dalam kawasan Kampong Baharu ini. Apabila hujan 2-3 jam rumah² kechil ini tenggelam. Sebab-nya, Dato' Pengerusi, satu daripada yang saya nampak, ada sa-buah anak sungai yang melintang dalam Kampong Baharu itu di-biarkan sahaja. Anak sungai ini sangat tohor, ayer-nya mengalir tidak tentu arah rupa, jadi harapan saya Kampong Baharu ini supaya dapat di-jaga kesihatan penduduk²-nya, terutama sa-kali saloran ayer masa hujan. Anak sungai ini amat berdekatan dengan rumah Yang Berhormat Puan Aishah Ghani. Saya tidak tahu nama sungai itu. Dan kadang² ini-lah yang melimpahkan ayer hujan apabila turun, lebeh lagi hujan pada masa ini.

Berhubung dengan keadaan terbiar-nya orang² Melayu di-Kampong Baharu ini, saya berharap-lah kepada yang bertanggung-jawab Pesuruhjaya Ibu Kota, dapat mengambil perhatian yang berat berhubung dengan orang² Melayu yang ada di-dalam kawasan Kampong Baharu itu. Bukan-lah saya tujukan kepada mereka yang berada, yang dapat membangunkan rumah yang baik, tetapi lebeh banyak rumah yang telah burok, telah usang bagaimana yang di-terangkan tadi. Kadang² sa-buah rumah yang sa-rupa itu sampai dua atau tiga kelamin dudok. Apa harapan saya, Dato' Pengerusi, berilah satu peruntokan yang besar, wang supaya dapat tuan² rumah yang hidup-nya sederhana di-sana meminjam wang kerana membangunkan rumah baharu.

Sa-tahu saya, Kampong Baharu ini di-kelolakan oleh sa-buah Lembaga Kampong Baharu. Jadi kalau-lah di-beri peruntokan ini kepada Lembaga itu tentu-lah dia dapat membaiki sa-buah Kampong Melayu yang sangat mashhor di-tanah-ayer kita. Kalau tidak perchaya, Dato' Pengerusi, jam malam² minggu mari-lah kita pergi ka-Kampong Baharu sa-kurang² sa-puluh bas datang menengok keadaan pasar minggu Kampong Baharu. Bukan dia menengok sahaja, dia merayau dekat Kampong Baharu itu, kadang² dia dudok di-rumah sanak saudara-

nya. Hendak tidak hendak, orang yang punya rumah itu layan juga. Saya bimbang rumah yang tempat di-tumpangi itu nanti roboh. Jadi ini-lah kerana Kota Kuala Lumpur ini tempat tumpangan pelanchong² bukan sahaja pelanchong ini datang daripada luar negeri, tetapi pelanchong datang daripada seluroh tanah-ayer kita. Ini-lah menjadi sebutan kepada orang² yang datang ka-Kuala Lumpur ini memandang kepada nasib bangsa dia, orang Melayu yang ada di-Kampong Baharu. Kalau-lah di-biarkan sahaja bagini, ini bukan-lah berma'ana semua tidak ada yang lebeh baik, ada yang sudah baik, tetapi ada lagi, maseh banyak lagi, rumah² yang di-sebutkan tadi terutama pada segi kesihatan, Dato' Pengerusi. Kalau tidak di-beri pertolongan dengan segera mengadakan satu peruntokan wang oleh Kementerian ini dengan jalan memberi pinjaman, ta' tahu apa akan jadi. Kerana masing² itu sa-tahu saya dia ada tanah. Tanah yang dia punya sama ada geran atau tidak itu, saya tidak tahu-lah. Tetapi dia kata dia punya. Dia boleh bangunkan rumah, tetapi dia tidak daya hendak bangunkan rumah kerana wang tidak ada. Kalau ini-lah dapat di-beri pinjaman dia dapat membangunkan rumah saperti yang telah di-bena oleh orang yang mampu. Rasa saya, Kampong Baharu betul-lah nama Kampong Baharu. Tidak saperti kata Wakil Johor Baharu tadi; Johor Baharu, tetapi Johor dia tidak baharu. Di-Kampong Baharu juga harapan saya supaya sa-benar² menjadi kampong baharu dan ini symbol kepada pelawat² daripada luar untuk satu kawasan orang Melayu.

Kesihatan sangat mustahak. Kalau musim hujan, ayer yang mengalir dalam sungai yang saya sebutkan tadi tidak dapat mengalir dengan laju kerana sungai itu tidak dalam dan rasa saya tidak menjadi halangan bagi pehak Majlis Bandaran menyimin dengan mendalamkan sungai yang kechil ini saperti tali² ayer yang di-tempat lain. Ini, dalam kawasan Kampong Baharu ini, terbiar sangat tali ayer-nya. Dengan sebab ini ayer-nya apabila busok, lalat nanti banyak dan ini akan mendatangkan penyakit. Jalan² tidak begitu terkawal dan terjaga.

Ini-lah harapan saya kepada Menteri yang berkenaan dan pihak yang berkenaan supaya dapat membuat satu peruntukan wang di-beri pinjam kepada mereka² yang ada mempunyai tanah bagi membangunkan rumah dengan di-bayar chara beransor² dalam masa 10 tahun atau 20 tahun. Terima kasih.

Mr Chairman: Saya hendak mengingatkan, masa kita hingga pukul 7.00 sahaja. Saya akan memberi Menteri yang berkenaan menjawab—berkehendakkan satu jam menjawab.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Dato' Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sedikit mengenai Kepala S. 60 dan saya sokong-lah peruntukan bagi Kementerian ini.

Saya tertarik hati di-atas Butiran (10) ia-itu Banchi Perumahan yang dibuboh sa-bagai "token vote" atau pun peruntukan berseharat sa-banyak \$10. Ini ada-lah satu langkah yang baik yang saya harap kepada Kementerian ini supaya membuat banchi di-bandar² yang besar² supaya dengan ada-nya kenyataan daripada banchi itu baharulah kita dapat tahu berapa banyak-kah orang yang memerlukan rumah² murah, dan berapa pendapatan mereka yang mereka sanggup bayar sa-lama 10 tahun atau 15 tahun sa-hingga pada akhir-nya mereka akan mempunyai rumah sendiri. Dengan berpanduan kepada kenyataan daripada banchi ini, maka dapat-lah Yang Berhormat Menteri berunding dengan pihak Kerajaan Negeri, di-mana-kah tempat yang masalaah yang berat sa-kali maka di-utamakan di-tempat itu. Kira-nya tidak ada banchi yang sa-macam ini, Dato' Pengerusi, pada pendapat saya ada perkara² yang berlaku yang tidak di-ingini. Kalau-lah Menteri Besar atau Dato' Ketua Menteri satu² negeri itu memikirkan—satu kawasan patut di-utamakan, tetapi kawasan itu pada pendapat umum tidak patut di-buat rumah murah di-situ. Tetapi dengar chakap wakil daripada negeri, maka pihak Kementerian memberi keutamaan membenakan rumah murah di-tempat yang tidak sesuai dan kawasan yang tidak sesuai. Jadi, saya harap dengan ada-nya banchi yang sa-macam ini

akan memudahkan lagi kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjalankan ranchangan di-tempat² yang di-fikirkan habis mustahak dan sesuai.

Yang kedua, Dato' Pengerusi, mengenai dasar pembahagian rumah murah. Manakala satu² ranchangan sudah di-buat dan hendak di-bahagi² kan rumah² yang sudah di-dirikan, berpandu kepada orang² yang berpendapatan kurang daripada \$300. Saya mengshorkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk hendak memberi sa-bagai satu keadilan kepada orang² dalam kawasan itu, patut-lah di-buat satu chara kota. Kata-lah 40% untuk bangsa Melayu, 40% untuk orang China, 20% untuk orang India dan orang lain². Jadi dengan chara ini dapat-lah kita mengumpulkan bangsa² yang ada dalam negara kita yang berbilang bangsa ini duduk dalam satu kawasan, dapat bersafaham di-antara satu dengan lain. Anak² mereka itu pun akan berkawan rakan dengan anak² yang lain. Dengan chara ini dapat-lah kita menyatu-padukan warga negara kita yang berbilang bangsa ini. Kerap kali saya dapati beberapa kesulitan berlaku manakala peruntukan itu sudah pun di-ishtiharkan. Banyak pengaduan² di-masokkan dalam surat khabar, di-tulis kepada Yang Berhormat Menteri, di-tulis kepada Wakil Ra'ayat, di-tulis kepada Ketua Menteri, di-tulis kepada semua orang. Jadi sa-kira-nya ada satu dasar yang tegas untuk membahagi² kan rumah ini, saya ingat semua orang akan puas hati. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan kajikan pendapat saya ini.

Yang ketiga, Dato' Pengerusi, Kerajaan ada memberi elaun sewa rumah kepada kaki-tangan Kerajaan. Saya ingat sa-tahun makan hampir² 10 juta atau lebih daripada 10 juta. Saya ingin menarek perhatian Yang Berhormat supaya buat satu ranchangan perumahan bagi kaki-tangan Kerajaan. Kaki-tangan Kerajaan yang sampai masa-nya hendak bersara, kata-lah dalam tempoh 10 tahun lagi—sa-orang yang sudah berkhidmat sa-lama 20 tahun. 10 tahun lagi dia akan bersara, maka Kerajaan patut minta fikiran kaki-tangan Kerajaan itu sama ada dia berkehendakkan rumah; di-kawasan

mana yang dia ingin dan sa-takat mana yang dia mampu bayar. Jadi dengan sa-chara ini maka boleh-lah wang yang di-untukkan untuk membayar sa-bagai sewa rumah—elaun bagi-nya, di-bayar kepada Kerajaan di-atas rumah yang di-untukkan kepada dia. Pada masa sekarang ini sa-orang kaki-tangan Kerajaan sa-kira-nya dia ada rumah sendiri, dia tidak di-beri kemudahan untuk mendapatkan elaun sewa rumah. Saya harap Juma'ah Menteri pun bersetuju sa-kira-nya di-beri peluang kepada orang² yang hendak bersara 10 tahun lagi. Sunggoh pun rumah itu di-untukkan kepada dia, tetapi duit yang akan di-bayar sa-bagai elaun sewa rumah itu di-bayar kepada Kerajaan dan menchukupi harga rumah yang dia sanggup mengambil sa-hingga 10 tahun boleh-lah dia sendiri mempunyai rumah dan sa-sudah dia bersara, dia balek dudok rumah yang dia ada itu. Saya fikir ini ada satu perkara yang baik yang dapat sambutan daripada Juma'ah Menteri sendiri kalau di-kajikan dengan sa-halus-nya boleh-lah di-longgarkan dan di-buat satu peratoran supaya dasar yang saya sebutkan ini dapat di-laksanakan dan akan memuaskan kaki-tangan Kerajaan yang berkhidmat dengan sa-berapa ta'at kepada Kerajaan. Sunggoh pun ada satu syarat yang mana di-beri peluang kepada kaki-tangan Kerajaan meminjamkan wang membuat rumah, tetapi dengan syarat mesti-lah kaki-tangan Kerajaan itu ada tanah sendiri; di-mana-kah boleh dapat semua kaki-tangan Kerajaan ada tanah sendiri hendak beri pinjam buat rumah. Biar-lah Kerajaan di-bawah Kementerian Perumahan ini buat ranchangan membinakan rumah² murah untuk kaki-tangan Kerajaan yang hendak bersara kata-lah orang tingkatan 1 bagini punya contoh, yang tingkatan 2, yang tingkatan 3, dan tingkatan 4, ikut kemampuan bagi kaki-tangan yang sedang berkhidmat.

Yang keempat, Tuan Pengerusi, saya sa-bagai Pengerusi Majlis Daerah Utara baharu² ini dapat satu surat keliling daripada Kementerian untuk meminta fikiran daripada Majlis² Tempatan mengenai satu undang² yang akan di-laksanakan oleh Kementerian, ia-itu Undang² Kawalan untuk pembenaan²

rumah. Dalam Undang² ini menyebut-kan sa-orang pembena, atau pun contractor, jikalau dia hendak membena lebeh daripada empat buah rumah, mesti-lah dia ikat duit kapada Kerajaan sa-banyak \$100,000 atau pun dapat jaminan daripada bank. Saya ingin menarek perhatian Yang Berhormat Menteri supaya mengkaji perkara ini dengan halus-nya supaya jangan-lah ikut sangat bagaimana chara yang di-laksanakan di-Singapura, sunggoh pun undang² ini baik, tetapi saya takut sa-kira-nya undang² ini di-laksanakan, maka peluang bagi contractor² bumiputera akan hilang sama sa-kali, mereka tidak mampu hendak mengikat wang sa-banyak \$100,000 sa-belum di-benarkan mereka itu membena rumah² lebeh daripada empat buah rumah. Saya harap Yang Berhormat Menteri tolong kajikan di-atas perkara ini.

Yang kelima, Tuan Pengerusi, ia-lah masaalah penumpang². Saya selalu-lah, dan saya ingat dua kali saya sebutkan mengenai penubohan sa-buah Lembaga Penyelesaian Penumpang dengan tuan tanah. Saya harap tolong-lah Yang Berhormat Menteri ini kaji, membuat satu peratoran, atau undang² menubohkan Lembaga Penyelesaian dan Penumpang² dengan tuan tanah, kerana banyak kerumitan² yang berlaku di-bandar² yang ramai orang² menumpang di-tanah orang. Dengan ada-nya satu undang² yang di-buat oleh Kementerian ini, maka dapat-lah kesulitan ini di-selesaikan.

Saya berchakap berkenaan dengan Perkhidmatan Bomba, S. 62. Perkhidmatan Bomba ini, Dato' Pengerusi, mengikut Perlembagaan Perkhidmatan ini di-bawah kuasa Kerajaan Negeri. Saya harap Yang Berhormat Menteri ini chuba buat satu peratoran atau undang² kebangsaan mengawal, atau mengelolakan Perkhidmatan Bomba seluruh Malaysia ini, kerana kita dapati beberapa banyak kesulitan, ada sa-tengah² Negeri memberi gaji-nya ta' sama dengan Negeri² yang lain, maka sebab itu-lah baharu² ini kita dapati ugutan mogok daripada Perkhidmatan bomba, atau ranchangan hendak mengadakan mogok. Jadi, dengan chara Kementerian ini mengadakan satu

Undang² Khas, ia-itu Undang² Kebangsaan mengenai Perkhidmatan Bomba, maka dapat-lah kita samakan Perkhidmatan² Bomba ini seluroh Malaysia ini supaya tiap² kaki-tangan yang berkhidmat dalam Jabatan² Bomba ini akan memuaskan hati dan mengadakan latehan² yang sama bagi keseluruhan-nya, dan mengenai bayaran untuk menyelenggarakan perkhidmatan ini, dapat-lah Kementerian ini membuat satu peratoran sa-takat mana-kah Majlis Tempatan itu patut bayar, sa-takat mana-kah Kerajaan Negeri patut bayar di-bawah satu pentadbiran, ia-itu pentadbiran Pusat yang boleh kita laksanakan dengan lichen-nya.

Satu perkara lagi, Dato' Pengerusi, ia-lah mengenai Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan—National Council for Local Government. Jadi, Majlis ini di-sebutkan Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan, tetapi wakil² yang hadir dalam Majlis ini ia-lah Menteri² Besar dan Ketua² Menteri sahaja. Jadi, sungguh pun ada di-dalam Perlembagaan bahawa Majlis ini di-bawah kuat-kuasa Kerajaan Negeri, tetapi Kerajaan Negeri sendiri sa-tengah²-nya tidak mengambil hirau langsung di-atas chara², atau perjalanan² Majlis Tempatan. Jadi, kalau-lah Majlis ini berunding mengenai Majlis² Tempatan, tentu sa-kali Menteri² Besar dan Ketua² Menteri ta' dapat tiada boleh memberi penerangan dengan jelas-nya. Oleh yang demikian, saya berharap Yang Berhormat Menteri kira-nya di-adakan perundingan mengenai Majlis² Tempatan di-minta Ketua Menteri, atau pun Menteri Besar itu sa-kurang²-nya bawa satu orang daripada Ahli² Majlis Tempatan di-dalam negeri-nya sendiri untuk bersama² memberi fikiran² dan pendapat-nya.

Yang akhir-nya, Dato' Pengerusi, mengenai Undang² Perbandaran, mengenai Municipal Ordinance. Undang² ini, saya dapati ia-itu di-buat pada tahun 1890 dahulu, kalau tidak silap saya. Jadi, sa-hingga hari ini pun undang² itu berjalan di-pinda dalam sa-tengah Negeri, dan sa-tengah Negeri tidak di-pinda—jadi tidak sama. Saya harap Yang Berhormat Menteri, kalau

boleh lantek sa-buah Jawatan-kuasa untuk mengkajikan Undang² Municipal ini supaya di-perbaiki di-mana yang di-fikirkan ta' baik supaya dapat-lah Majlis² Tempatan berpandu kepada Undang² Municipal ini menjalankan pentadbiran Majlis dengan lichen dan sempurna supaya di-adakan satu sahaja undang². Ada di-satengah² tempat itu menggunakan Undang² Rural Board, ada yang sa-tengah-nya tempat itu berpandu kepada undang² yang Negeri itu buat sendiri. Jadi, tidak sama. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri chuba lantek sa-buah Jawatan-kuasa yang terdiri daripada ahli² undang² yang mahir di-atas perkara ini supaya mengkajikan undang² perbandaran ini dan memperbaiki mana yang di-fikirkan mustahak dan di-perelokkan lagi. Sekian-lah, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Dato' Haji Mustapha bin Abdul Jabar (Sabak Bernam): Dato' Pengerusi, saya bersama² menyokong Anggaran peruntukan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan ini. Saya champor membahathkan di-dalam S. 60 ya'ani perkara di-bawah Pesuruhjaya Ibu Kota, Kuala Lumpur.

Dato' Pengerusi, banyak di-antara Ahli² Yang Berhormat telah bersama² membahathkan perkara ini. Bagi pehak saya akan menumpukan pandangan saya kepada Pesuruhjaya Ibu Kota, Kuala Lumpur dan kepada bandar Kuala Lumpur.

Sa-belum saya berchakap dan membuat satu dua pandangan yang saya fikirkan baik, saya suka-lah menyampaikan ucapan terima kaseh kepada Tuan Pesuruhjaya Ibu Kota dan Kementerian ini dengan kebijaksanaan-nya dapat mengator serta menyusun kechantekan Ibu Kota Kuala Lumpur ini yang mana telah dapat menarek perhatian para pelancong yang datang daripada luar negeri ka-Ibu Kota Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, di-samping pandangan kita dengan kechantekan Ibu Kota Kuala Lumpur ini dan di-serikan dengan berbagai² bangunan saperti Masjid Negara, Muzium Negara, Stadium Negara, Studio Filem Negara,

Studio Filem Negara, di-sini saya nampak maseh ada lagi satu kekurangan yang saya fikir mustahak dapat di-ambil berat dan di-ambil perhatian oleh Kementerian ini ya'ani satu Hotel Negara. Saya rasa patut dapat di-adakan di-Ibu Kota Kuala Lumpur ini.

Tuan Pengerusi, barangkali apabila saya sebut Hotel Negara ini tidak-lah begitu menarek kepada pehak Kementerian ini, tetapi saya memikirkan bahawa Hotel Negara ini patut sangat kita buat di-Ibu Kota ini kerana tujuan yang besar-nya dapat menarek para pelanchong yang datang daripada luar negeri dan juga dapat di-gunakan oleh Ahli² Parlimen mithal-nya, masa bersidang sampai sa-bulan di-Ibu Kota ini dengan bayaran² yang berpatutan dan di-sini tidak-lah kita nampak susah sangat Ahli² Parlimen ini terpaksa tidor di-merata² Kuala Lumpur menchari hotel di-merata² tempat dan kadang² datang terlampau lewat, ma'alum-lah ini semua sa-kali menjadikan kesusahan di-dalam perjalanan bagi menunaikan tugas dan begitu juga jika masa tidak di-gunakan Ahli² Parlimen tinggal di-hotel itu, boleh juga kita sewakan kepada sa-siapa juga yang mampu dan kita kenakan bayaran yang kita fikirkan berpatutan.

Tuan Pengerusi, Hotel Negara ini kalau kita buat dengan sa-lengkap²-nya patut mengandongi restaurant yang baik, dengan kolam mandi, padang permainan dan Dewan. Ini saya rasa tentu-lah dapat menambah lagi kebanggaan dan kemegahan Ibu Kota Malaysia kita ini dan barangkali boleh juga Kerajaan ini memikirkan, kerana kita hendak buat sa-buah Hotel Negara yang sa-rupa ini memakan belanja yang besar. Tetapi kalau sa-kira-nya Kerajaan mahu membuat ranchangan ini, boleh di-atorkan sa-paroh perbelanjaan di-keluarkan oleh Kerajaan dan sa-paroh lagi saham² itu kita jual kepada orang ramai. Ini juga akan menambahkan keuntungan dan tidak akan merugikan Kerajaan dan dengan chara ini juga kedudokan Ibu Kota kita, di-sisi pelanchong² yang datang daripada luar, akan bertambah² menaikkan mutu darjat dan kechan-tekan Ibu Kota ini.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu saya bersama²-lah menyokong pen-dapat² Ahli² Yang Berhormat berhobong dengan kedudokan orang² Melayu di-Kampung Baharu yang ada di-sana. Saya harap oleh kerana saya kenal sangat Yang Berhormat Menteri ini ada-lah selalu memberi jasa baik-nya di-atas apa² ranchangan, saya perchaya dengan ada-nya rayuan² yang di-timbulkan oleh Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini, beliau akan mengambil berat dan akan dapat memberi jasa baik-nya untuk memberi pertolongan kepada orang² Melayu di-tempat kawasan Kampung Baharu.

Sa-lain daripada itu, Dato' Pengerusi, saya menyampaikan rayuan saya sendiri berhubung dengan permohonan² rumah murah di-Sabak Bernam sana. Pada masa meshuarat belanjawan tahun yang lalu, saya pernah membawa perkara ini tetapi nampak-nya hingga hari ini belum lagi apa² yang dapat di-laksanakan. Saya harap dalam tahun ini akan dapat di-laksanakan, soal permintaan rumah murah di-daerah Sabak Bernam sana, Jadi itu-lah sahaja, Dato' Pengerusi, dan saya menguchapkan berbanyak² terima kaseh.

Enche' Khaw Kai-Boh: Mr Chairman, Sir, before I deal with the points raised by Honourable Members one by one, I would like to thank the Honourable Members of this House for their various and most constructive suggestions raised in the course of their speeches this evening.

I will first deal with the Honourable Member for Trengganu Selatan. He spoke on the question of increase of allocation for local authorities for repairs to bridges, roads, etc., due to recent floods along the East Coast. What I can say is that there is provision under O.C.S.E—about \$200,000—for local councils and a further provision in the draft Development Estimates for town councils and town boards. These provisions are meant for all States, but the Ministry will certainly give careful consideration to the needs of Trengganu as a result of the recent floods.

Regarding the extension of housing to rural areas, so far two schemes have been approved for Kuala Trengganu this year, both of which will comprise Malay-type timber houses, or will be actually rural in character. We have also housing schemes for fishermen in Kuala Pahang, and in the past also we have one fishermen's housing scheme in Kuala Linggi, and also one in Telok Bahang, in Penang. So as you can see from what I have said, we do cater for the rural areas as far as low cost housing is concerned.

Now, the Honourable Member also raised the question of bullock carts in the Municipal area. Although I agree with what he has said, I do not agree with his statement that they will not be good for the tourists. I think it will be a great attraction for the tourists to see a bullock-cart which, in fact, today can be considered a museum piece. But, nevertheless, it is not quite correct to say that licences are being issued for bullock-carts in the Municipal proper area. This is not so. Bullock-cart licences are only issued to operate in villages, or areas outside the Municipal area.

The Honourable Member also requested for a town planner in each State. All States, with the exception of Perlis who shares with Kedah, also Malacca who shares with Negri Sembilan, and Trengganu who shares with Kelantan, have their own planning experts. It is the policy of the Ministry to remedy this deficiency and three students are abroad now undergoing training to meet this demand. Of course, ideally, the larger States need a minimum of two qualified town planners, but this can only be done when the States afford the expenses, because town planning, Mr Chairman, Sir, under the Constitution is a Concurrent subject, and also when trained officers are available; then only we can consider increasing the provision of town planners for each State. So far, Selangor is the only State which has created a second post, but this has remained unfilled through lack of suitably qualified staff, because town planners are hard to come by.

As regards requests for town planning experts, requests in fact have been made for external assistance for town planners, but there is a world-wide shortage of such persons, and so far we have not been successful. In the United Kingdom alone there remains 2,500 over vacancies in local authorities for qualified town planners and these posts are still waiting for applicants. However, pressure will be renewed and maintained to try and get more external assistance in this field.

Touching on the question of more housing schemes, and also on the question of cheaper instalments for the buyers, I am glad to mention here that as a result of negotiations between my Ministry and the Treasury, it will be possible now to reduce the monthly instalments because the period of the repayment of the cost of the houses has now been extended from 14 to 17 years as agreed to by the Minister of Finance.

I come next to the Honourable Member for Bukit Bintang. I would first like to clarify the position in respect of Kampong Baharu. Although it is within the Municipal limits, it is in fact being administered by the State Government through a Committee appointed by the State Government. It is not the responsibility of the Federal Capital Commissioner. The Honourable Member who has some complaints to make about Kampong Baharu should address himself to the State Government. For the information of the Honourable Member, Kampong Baharu is managed by a Committee named the Malay Agricultural Committee. As regards flooding in the Kampong Baharu area, this again does not fall under my Ministry. It comes under the Drainage and Irrigation Department which is responsible. With regard to the Sunday Market, this is again a State project, although it is to some extent assisted by the Federal Capital.

With regard to the question of the low-cost housing project in this area, although it was originally initiated by the Federal Capital Commissioner,

subsequently it was again taken over by the State Development Corporation of Selangor. For the information of the Honourable Member, in order to assist the residents in the Kampong Baharu area, the rate for Kampong Baharu is only 3% whereas the rate for all other areas in the Federal Capital is 15%.

The Honourable Member for Bukit Bintang also made certain reference to the Sungei Bunus and floods caused by this river. The Ministry in conjunction with the State Government and the Municipality has in fact discussed the canalisation of this river as a measure to alleviate flooding. Some proposals are now in hand by the State Drainage and Irrigation Department and the Kuala Lumpur Municipality, which is now awaiting the finalised version of the proposal. This will be a joint project, i.e. Federal, State and the Federal Capital—that is, the Kuala Lumpur Municipality.

Now I come to the Honourable Member for Langat. First, the Honourable Member said there are no provisions for the sale of flats in the existing Land Code. This was true for a time, but is now not so with the new National Land Code which will be implemented by the State Governments next year, I hope. The National Land Code will make provision for the issue of titles to multi-storeyed flats. In addition, my Ministry has also some months ago appointed a Committee to make recommendations for the terms and conditions of issue of titles, and the matter is now being vigorously pursued.

In passing, I would like to reiterate again that it is the committed policy of this Alliance Government to create a house-owning democracy and it is in this direction that my Ministry is working towards and everything possible will be made to make the sale of flats possible so that the owner/occupant will be able to have a sense of owning, a sense of involvement in the actual property which he is occupying.

The Honourable Member also touched upon the Sungei Besi area. In passing I would like to mention that it is the policy of this Alliance Government to

integrate the various races together and it is in that spirit that the allocations of the flats in Sungei Besi have been made. With regard to the necessity of a market in the Sungei Besi flats area, it is felt that at the moment there is still no justification for a market and the area is still being adequately served.

The Honourable Member for Langat also referred to Semenyih Town, stating that the Malay Kampong is to be moved, and also the mosque and the Malay school are to be moved out of the town, implying that the Malays are being moved out of the town area. I am afraid the answer to this is that this is strictly a State matter under the Constitution and I hope the Honourable Member will raise this at the State Assembly. In connection with the Honourable Member's for *suraus* and things like that in the respective areas, I think this is a matter the Honourable Member can take up with the Ministry of Rural Development, and I can tell him for sure that from my own experience (I have taken up the question of building *suraus*, *madrasahs* and *masjids* in my constituency) I have found the Ministry of Rural Development most co-operative in this matter.

I come next to the Honourable Member for Penang Utara. Now, it is not frequent that a Minister receives a lot of bouquets and I thank the Honourable Member for doing so. I was most thankful that for a change, I am not receiving brickbats in connection with my Ministry's work. The Honourable Member referred to the Selangor and the Malayan Mansions. For the information of the Honourable Member, the plans for these buildings were approved by the old Municipal Council which, no doubt, weighed all the technical advice before approving the development. It is not true that the plan approved provided for car parks in the basement and at the ground floor. No basement or ground floor car parking was intended in the approval of these flats, and the use of the ground floor was for shops and the first floor for offices. Therefore, there is no question of illegality arising. In the overall layout, which takes in the large acreage of land in the same

ownership, adequate car parking has been provided. Under the old Municipal Council policy, apparently this was taken into consideration and of course at present the squatters are still occupying the car parking space. With regard to the bridge, it is to be constructed entirely by private enterprise and no Government funds will be expended. Although the access is not ideal in connection with these flats, but when the bridge is built there will be a certain amount of improvement and the situation will be remedied. But surely, I submit, Sir, that the modern flats and shops, although with temporary restricted access, is far better than having squatters to remain indefinitely in that area which will mar the face of the Federal Capital. Whatever might have been said in connection with the inconvenience at present prevailing in this area, certainly it is an improvement over what was there, and the first step is for us to clear any valuable site in the heart of the central area from squatters and that was precisely what the developers have done.

Enche' Geh Chong Keat: On a point of clarification—Mr Chairman, Sir from the reply of the Honourable Minister, is it usual for occupation certificates to be issued before approved plans have been complied with? In other words, if a car park has been provided for the development in that area, is it usual for an occupation certificate to be issued even before the car park was being provided?

Enche' Khaw Kai-Boh: Mr Chairman, Sir, I said that these were all approved in the old municipal times as far back as 1961, at the time when my Ministry had no control over the policy of the Council. So, I can only say what happened then. I am not in a position to clarify further as to what actually transpired at that time. However, in checking up the matter with my Town Planner, it appears that no car park was actually provided for on the ground floor and the basement.

Now, the Honourable Member also raised many points. First of all, he wanted to know about the policy of the

Ministry, which he said was a closely guarded secret—this is in connection with civil defence. This is certainly not so. The policy has been laid down, which is to take all steps to have the Civil Defence corps in the country in a constant state of preparedness. Now, four non-operational civil defence schemes, which include evacuation of people from disaster area, the rendering of first aid to the injured, lighting restriction and fire prevention over premises, have been drawn up and sent to all the States. All Civil Defence officers have been sent copies of this directive of the Ministry, 200,000 copies of pamphlets on air-raid precautions have also been distributed to the various States and to members of public. Furthermore, Co-ordinating Committees to co-ordinate all civil defence work have been set up in all States, Divisional and sub-Divisional levels. The organisation now is 16,000 strong and they have undergone standard training and are now prepared to meet any disaster. This Ministry is making every effort to get experts from London and, in fact, for the information of the Honourable Member, I personally discussed the matter with the Minister of State involved in civil defence during my recent visit to the United Kingdom. Civil Defence experts are not easy to come by, and although I have raised the question they promised to look into the matter and negotiations are now still being carried out to see whether experts under the Colombo Plan could be sent out to Malaysia to assist in our training. I do admit, Sir, that we are short of experienced senior officers. Our new Assistant Instructors have to be trained quickly and sent out into the field, and it is at the higher level of our officers, or cadres, that we are lacking, and it is in this respect that we are still trying to obtain officers on secondment from the United Kingdom Civil Defence units.

Now, all National Service personnel are called up for two years during which time they are on the active list. After two years they are encouraged to enrol as volunteers. There is a distinct difference between Assistant Instructors, who are full-time Government officers

and who normally deal with all administrative and financial matters, and the Part-time Instructors who normally look after the training and welfare in respect of the corps.

Now, next I come to the Honourable Member from Sarawak, Enche' Wan Abdul Rahman. The Honourable Member touched on the question of local authorities. I would like to inform the Honourable Member that local authorities matter is very much a State matter under the Constitution and, moreover, there are certain I.G.C. report reservations, as well as under the Constitution, which state that the Borneo States are not obliged to observe the decisions of the National Council for Local Government, although under certain circumstances they have to consult with the Council. Therefore, in connection with the various matters raised by the Honourable Member, I would like to direct him to take them up with the State Government.

Next, I come to the Honourable Member for Batu. I will first deal with the question of Jalan Brunei. Now, there is a difference between Jalan Brunei and Jalan Haji Taib. There is no question of favouritism because one application is made by an Alliance Member of Parliament and another application is made by a Socialist Front Member of Parliament. The two roads are completely different categories of roads. Jalan Brunei is a new street as opposed to a private street which Jalan Haji Taib is. Now, in the case of a new street, it is legally the financial responsibility of the Commissioner, while in the case of a private street it is not so—it is the responsibility of the frontagers.

Now, the Honourable Member for Batu also asked whether a certain company, Lewis Construction Company, came into the picture in connection with the construction of the Jalan Pekeliling Scheme. Now, I would like to reiterate what I said in my previous replies on this matter. I did say in my reply that many firms have registered interests with the Federal Commissioner in connection with the industrial housing scheme, but, nevertheless,

none, except two, at the time when the Federal Commissioner commenced his negotiations—the first is the *Sri Kemajuan* and the other one is Citra, which is French firm combined with K. C. Boon and Cheah—have made any concrete proposal, firm proposal. Now, this particular company referred to by the Honourable Member made preliminary inquiries with a design or constructional proposal. However, there were no detailed proposals, except that it appeared that the design was locally developed, which has not been tried extensively and accepted as an industrialised housing system. Now, as this system has not been demonstrated, and it was not considered wise by the Commissioner to experiment with an untried system, the matter was not pursued. Other firms too made similar enquiries.

Now, in conjunction with the advertisement and also announcement by the Federal Commissioner and also with direct circulars by the Federal Commissioner to various firms who make certain preliminary enquiries before, according to this report I just received—I have just been handed it by the Federal Commissioner—this firm has on the 15th November, 1965, registered in accordance with the advertised requirements, and the question of whether this firm offers a system which is well-known and well-tried as is required for a scheme of this magnitude and of this nature, is a matter for the Federal Commissioner to decide in connection with the pilot projects. In this connection, I like to reiterate the requirements of industrialised housing system. It must be a system which the Federal Commissioner is convinced to be one that has been extensively used and successfully used in other countries.

The Honourable Member for Batu also touched on the question of the inadequacy of the provision for low cost housing next year, i.e., \$20 million. Admittedly \$150 million is not adequate to meet the total needs of the country, and I have also in fact, Sir, in my reply, made it quite clear that owing to financial stringency arising from confrontation and the diversion of finance to defence, the low-cost housing provided by Government will

not be able to completely fulfil the requirement given in the preceding paragraph. Because of this the Minister is pursuing every possible avenues of finance for low-cost housing other than Government. This was the last paragraph of my written answer to the Honourable Member for Batu as contained in the Paper tabled in this honourable House. Now, although \$150 million for the next Malaysia Five-Year Plan is not adequate to meet the total needs of the country, but this figure is nearly four times the allocation for the current Five-Year Plan and will substantially increase the output of low-cost houses to meet the more immediate demands such as slum and squatter clearance. As the Honourable Member has mentioned, other sources of finance are being explored to supplement direct Government effort in the field of local housing. This aspect will be pursued actively in the coming year so that we can meet housing demands more effectively.

Now, in connection with the question of the Hawkers Committee, the Selangor Alliance Hawkers Committee is composed of Members of Parliament, State Assemblymen and also a Town Board Member and, as such, irrespective of what political background, including the Socialist Front Member of Parliament, any representations put forward by such representatives will be considered by the Federal Commissioner, because, if the Commissioner does not receive representation from members of the public, particularly through the elected representatives, he would not be in a position to make a decision to the best interest of the hawkers as well as members of the public, and of course there is no question of any particular standing locale given to any particular Hawkers Committee, and all representations made in connection with hawkers problem will be duly considered by the Federal Commissioner.

Next, Sir, I come to the Member for Johor Bahru Barat. The Honourable Member has asked why planning affecting of Johore Bahru cannot be made out by this Ministry and why are there no Federal funds being pro-

vided for such development. Town planning, as I said earlier, is on the concurrent list in the Constitution, and Johore has had its own State Planning Officer since late 1955. The State Government controls the work priority of this State Department and the drawing up of a plan for Johore Bahru is the concern of the State Government. This is a matter which the Honourable Member should take up with the State Government. With regard to the request for Federal assistance in re-development of Johore Bahru Town, this is a matter which can be taken up by the State Government with my Ministry, and if the proposal is one of merit, it will certainly receive the consideration of this Ministry and the approval of the Treasury sought. The Honourable Member has also asked why can we not recruit more town planners because so much time is being spent on Government work. This question has already been dealt with earlier in connection with two other question and, of course, the answer is that we are still trying to get as many expert town planners as possible, both by training our own youngsters as well as trying to obtain external aid.

The Honourable Member also asked for provision of children's playground and other social amenities in local council and village areas. Now, whenever new layouts are being prepared and whenever State land is made available, such amenities are always included by the town planners. But where private land is developed, no satisfactory law at present exists to compel a land-owner to set aside land for such uses, neither is there likely to be adequate funds available to purchase such land at the time it is ripe for development. Now, a new planning law to remedy this is in the course of preparation, and will enable the provision of such amenities to be ensured.

Next, I come to the Honourable Member for Kuala Langat. The Honourable Member wants low-cost housing in local council areas. For the information of the Honourable Member, as I have stated previously in this House, housing is in fact very much a State matter under the Constitution,

and my Ministry comes into the picture in the provision of funds and the provision of technical assistance and the bid for low-cost housing, as mentioned by the Honourable Member, should come through the State Government because under the Federal Government policy, the State is responsible for providing land and other amenities and services such as road, electricity, water supply, etc. in the scheme.

The Honourable Member for Kuala Langat also referred to the Kampong Pandan Houses. It is correct that there was a landslide and the cause of this is under investigation by the Mines Department; and as far as the Municipality is concerned, the bund of a mine under operation nearby collapsed, causing the land to move. Now, it must be noted that there is nothing wrong with the design of the low-cost houses, and they were designed by a reputable firm of architects. Although the land moved, the buildings did not collapse. The buildings are constructed in timber and are very light, and the soil at Kampong Pandan can take the weight of the light timber structures.

Next, I come to the Honourable for Batu Gajah, in connection with fire services in the provision of fire station. Here, again, it is a State Government matter. However, we can say that the State Government of Perak has made provision of fire fighting equipment for villages in its First Malaysia Development Plan. Some of this equipment will be supplied to Tanjong Tuallang. It is not economically possible to provide fire stations for all villages in the country. The aim is, however, to be able to have one fire engine in attendance within ten minutes of the outbreak of any fire.

Next Sir, I come to the Honourable Member for Jelebu-Jempol. The Honourable Member raised the question that low-cost housing should not be concentrated in Kuala Lumpur Municipality alone, but should be built in areas where there is a need. It is the policy of my Ministry to build low-cost houses in areas where there is an acute housing problem. Now, housing shortage in Kuala Lumpur Municipality is

the most acute, compared to other areas in the country—and this also applies to other main towns of the States of Malaya because of squatters problem and the clearance of slum areas. The low-cost houses are not only in urban areas, they are also built in rural areas where there is a need for housing. For instance, as I have already earlier mentioned, we have the fishermen's housing schemes in Telok Bahang, in Kuala Linggi, Kuala Pahang, and also housing schemes in smaller places like Bahau and Telok Gadong, which are all rural in character.

The Honourable Member for Jelebu-Jempol also touched upon Local Government and, as I have said earlier, Local Government is a State matter and the Commissioner for Local Government can only advise State Government on matters connected with local Government Administration. As such, I would suggest that the Honourable Member take the opportunity, when the Royal Commission of Enquiry is sitting near his area to investigate the workings of local authorities, to put forward the points he has made just now in this House.

Next, I come to the Honourable Member for Seberang Utara. The Honourable Member touched upon the allocation policy. Now, there is a circular on this subject following a Cabinet decision. This policy ensures a fair distribution of low-cost houses, and if the Honourable Member is interested I will certainly supply him with a copy of this circular, which has been distributed to all the State Housing Committees.

Now, regarding housing scheme for Government servants about to retire, they are welcome. Such Government servants are welcome to apply for low-cost houses provided they qualify. To my knowledge, many Government servants about to retire or have retired, have been allotted low-cost houses. Government servants in service who qualify can also apply.

Sir, I think that is about all that I have to reply to all the Honourable Members, and once again I wish to

thank all the Honourable Members for their most constructive suggestions during the course of this evening. Thank you.

Question put, and agreed to.

That the sums of \$515,404 for Head S. 60, \$380,642 for Head S. 61, \$200,037 for Head S. 62 and \$3,414,960 for Head S. 64 ordered to stand part of the Schedule.

Head S. 63—

Menteri Muda Kemajuan Negara dan Luar Bandar (Enche' Sulaiman bin Bulon): Dato' Pengerusi, saya memohon izin untuk menerangkan satu persatu-nya atas berbagai peruntokan yang di-kemukakan di-bawah Kementerian saya Kepala S. 63 berjumlah \$10,908,824—Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Saya sukachita mema'alumkan sa-chara ringkas-nya kepada Dewan ini tentang kerja² dan kewajipan serta tanggung-jawab Kementerian saya ia-lah dalam masa lima tahun yang lalu kerja dan usaha Kementerian saya terutama-nya ia-lah menyatukan tugas² dan kerja² dari berbagai² Kementerian, Jabatan dan Badan² yang boleh mengambil bahagian dalam melaksanakan Ranchangan² Pembangunan Lima Tahun Yang Kedua.

Saya dengan sukachita-nya menarek perhatian Dewan ini bahawa hasil daripada penyatuan yang berkesan itu-lah jentera² bagi melaksanakan Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua itu telah berjalan dengan chukup memuaskan sa-hingga kita mencapai kemajuan dan kejayaan yang chemerlang. Di-samping mengusahakan dan menyatukan pelaksanaan Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua itu, Kementerian saya juga ada-lah bertanggung-jawab bagi melaksanakan Ranchangan Pelajaran Dewasa dan menyediakan perjalanan atas semua dasar² Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Majlis Amanah Ra'ayat dan Perbadanan Wang Simpanan bagi Bakal² Haji.

Ranchangan² Pembangunan Dzarurat dan Perumahan Sa-mula di-Negeri Borneo itu ada-lah juga termasuk di-bawah tanggung jawab Kementerian, saya kerana tujuan Kerajaan ia-lah

hendak melaksanakan sa-bagai projek pembangunan dan bukan-lah sa-bagai Ranchangan Penempatan Sa-mula atau Penempatan Beramai² seperti yang kita telah jalankan di-negeri Tanah Melayu dahulu di-dalam masa dzarurat. Tuan Pengerusi, telah sedia ma'alum bahawa oleh kerana Kementerian saya terutama-nya bertanggung-jawab bagi menyatukan serta melaksanakan Ranchangan² Pembangunan, maka jumlah peruntokan yang di-kehendaki oleh Kementerian saya ada-lah sangat kecil, tidak seperti mana anggaran peruntokan biasa bagi Kementerian² yang lain, yang menjalankan Ranchangan masing² bersendirian. Walau pun demikian, berhubung dengan soal peruntokan biasa, saya ingin menarek perhatian Dewan tentang keseluruhan pengurangan sa-jumlah \$2,297,133 dalam jumlah peruntokan yang di-kehendaki oleh Kementerian saya dalam tahun 1966. Pengurangan wang yang banyak ini terutama-nya ada-lah di-sebabkan sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh teman saya Yang Berhormat Menteri Kewangan di-dalam ucapan anggaran Belanjawan negara pada 17hb November, ia-lah memindahkan peruntokan sa-banyak \$3,560,000 ia-itu peruntokan biasa yang di-perlukan bagi belanja² pentadbiran RIDA sekarang menjadi MARA pada anggaran peruntokan pembangunan. Walau bagaimana pun pemindahan sa-jumlah \$3,560,000 ini tidak-lah melibatkan apa² di-sebabkan oleh tambahan peruntokan² yang lain² seperti tambahan peruntokan berkenaan dengan perbelanjaan pembangunan biasa dan perbelanjaan pembangunan dzarurat dan Perumahan Sa-mula di-negeri² Borneo. wang bantuan kepada Persatuan Perkumpulan Perempuan Kebangsaan di-bawah Pechahan-kepala 28 dan perbelanjaan bagi mentadbirkan dan menguruskan tiga Taman Asohan Wanita di-Kuala Lumpur, Melaka dan di-Kepala Batas itu. Dalam tahun 1965, perbelanjaan biasa mengenai pembangunan Dharurat dan Perumahan sa-mula di-negeri² Borneo telah di-ditakkan di-bawah anggaran peruntokan Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri. Oleh kerana Kementerian saya sekarang bertanggung-jawab dalam perkara ini maka segala jawatan² yang berkaitan

dengan rancangan ini telah di-tukarkan daripada Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri kepada Kementerian saya. Jawatan² itu ada-lah di-tunjokkan di-dalam Butiran (66) hingga (74) di-bawah Pechahan-kepala 1. Sa-terusnya pula peruntokan baharu di-bawah Pechahan-kepala 28 ada-lah merupakan pertukaran peruntokan daripada Kementerian Kebajikan 'Am. Peruntokan² ini ada-lah mustahak kerana hendak menyamakan dan menyatukan gerakan² perkumpulan perempuan kebangsaan di-dalam kawasan² luar bandar dengan rancangan² yang di-jalankan oleh bahagian Pelajaran Dewasa dan Pembangunan musharakat di-Kementerian saya.

Berhubung dengan peruntokan di-bawah Pechahan-kepala 10, sukachita saya menyatakan bahawa peruntokan ini ada-lah satu peruntokan baharu bagi menjalankan dan menyelenggarakan tiga buah Taman Asohan yang telah di-ambil alih oleh Kementerian saya mulai awal tahun ini. Taman² Asohan ini terpaksa di-ambil alih daripada MARA oleh kerana tujuan Kementerian saya hendak menchantumkan kerja²-nya dengan Rancangan Pelajaran Dewasa Kementerian saya. Taman² Asohan ini ia-lah di-gunakan sa-bagai pusat² latehan bagi melateh Guru² Urusan Rumah Tangga yang mengajar di-dalam kelas² di-luar bandar.

Tambahan peruntokan di-bawah Gaji, ia-itu Pechahan-kepala 1, ada-lah terutama-nya di-sebabkan oleh di-adakan jawatan² di-bawah Butiran (9), (12), (75) dan (77). dan juga oleh sebab penukaran jawatan² yang berhubung dengan kerja² pembangunan daripada Pejabat Setia-usaha Federal, di-Kuching. Tambahan² itu juga ada-lah di-sebabkan oleh penukaran jawatan² yang berkaitan dengan pembangunan Dharurat dan perumahan sa-mula daripada Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri kepada Kementerian saya. Dua jawatan kerani dan satu jawatan juru mesin (Machine Operator) di-bawah Butiran (9) dan (12) di-bawah Kementerian saya ada-lah terutama-nya dengan tujuan menguatkan lagi kaki²-tangan bekerja di-Kementerian saya sa-bagai mengeluarkan pemberian² wel-

fare. Jawatan² baharu yang di-bawah Butiran (75) hingga (80) dan di-bawah Butiran (85) hingga (90) ada-lah bagi jabatan² Pelajaran Dewasa di-Sabah dan Sarawak. Pembukaan Jabatan² itu telah di-laksanakan pada awal tahun ini bagi meluaskan perancangan pelajaran dewasa di-kedua² Negeri Borneo ini.

Lain² tambahan di-bawah Gaji ia-lah kenaikan tahunan atas gaji kaki-tangan Kementerian saya. Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum bahawa peruntokan bagi tanda sahaja (token votes) ada-lah di-kehendaki di-bawah Butiran² (23), (24), (25), (26), (50) dan (51). Peruntokan² ini ada-lah sa-mata² bertujuan hendak melindungi hak² penchen kepada pegawai² Kerajaan yang di-pinjamkan kepada Majlis Amanah Ra'ayat dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.

Tuan Pengerusi bagi menyambut kehendak² ra'ayat, Kementerian saya akan membuka lagi sa-jumlah 4,000 kelas baharu dalam tahun 1966. Sungoh pun demikian, ini tidak-lah akan membatasi kepada had 12,700 kelas yang di-buka dalam sa-tahun kerana menjelang akhir tahun ini pelajar² di-dalam 4,000 kelas yang berpangkat Tinggi akan menamatkan pengajian tiga tahun mereka.

Berkenaan dengan kelas Pelajaran Dewasa, saya suka menyatakan bahawa sekarang ini lebih kurang 270,000 pelajar² di-semua peringkat rancangan pelajaran dewasa. Jumlah perbelanjaan bahagian Pelajaran Dewasa, jika dibandingkan dengan perbelanjaan tahun yang sudah ada menunjukkan tambahan sa-banyak \$715,572 dan ini ada-lah di-sebabkan oleh pembukaan kelas² pelajaran dewasa di-Sabah dan di-Sarawak, apabila rancangan pelajaran dewasa di-lancarkan di-kedua² buah negeri itu. Hingga sekarang, Kementerian saya telah membuka 727 kelas pelajaran dewasa di-kedua² negeri ini dan jumlah ini akan di-tambah lagi jadi 1,400 kelas dalam tahun 1966. Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum bahawa rancangan pelajaran dewasa Kementerian saya ini bukan-lah bertujuan hendak menghapuskan buta huruf sa-mata² di-dalam negeri ini,

bahkan juga ada-lah bertujuan hendak memberi semangat kesedaran dan keinsafan serta sedikit sa-banyak ilmu² pengetahuan yang ada hubungan-nya dengan kehidupan mereka sa-hari², ia-itu pelajar² bukan-lah sahaja di-beri ajaran di-dalam membaca, menulis dan membuat kira², tetapi juga di-ajar mata² pelajaran saperti tata ra'ayat, ugama bagi pelajar² Islam dan juga urusan rumah tangga bagi pelajar² wanita. Di-dalam lapangan Ekonomi Rumah Tangga pula Kementerian saya telah membuka sa-banyak 2,030 buah kelas dan dalam tahun 1966 Kementerian saya ada membuat rancangan bagi menambah lagi jumlah ini jadi 2,500 kelas.

Berhubung dengan tambahan saperti yang terdapat dalam Pechahan-kepala 13 ia-lah di-sebabkan pengambilan beberapa penyelia tambahan untuk membanyakkan lagi jumlah penyelia² yang ada sekarang. Pengambilan penyelia² tambahan ini ada-lah perlu kerana sa-tengah² Daerah, di-sebabkan oleh kesulitan² perhubungan, ada-lah di-kehendaki lebih daripada sa-orang penyelia bagi menjalankan pekerjaan mereka yang boleh memberikan lebih kesan. Tambahan dalam Pechahan-kepala 14 ada-lah di-sebabkan oleh tambahan jumlah guru², hasil dari penubohan kelas² pelajaran dewasa di-Sabah dan Sarawak. Sunggoh pun adanya tambahan² ini dan juga tambahan

bagi perbelanjaan baharu di-bawah Pechahan-kepala 10, pengurangan yang besar telah di-perbuat di-dalam peruntukan "Pengangkutan dan Perjalanan (Transport and Travelling)" di-bawah Pechahan-kepala 7 dan 18. Dengan pengurangan peruntukan wang bagi "Pengangkutan dan Perjalanan" di-bawah dua² pechahan-kepala ini, Kementerian ini mungkin menempoh kesulitan bagi menyelenggarakan tugas². Tetapi walau bagaimana pun, segala usaha akan di-jalankan bagi mengatasi kesulitan ini.

AN HONOURABLE MEMBER: Tuan Pengerusi, Korum tiada chukop.

Mr Chairman: Yang Berhormat boleh sambong lain hari bila ada quoram—quoram tidak ada, macham mana hendak sambong? Esok-lah.

Enche' Sulaiman bin Bulon: Terima kaseh.

House resumes.

Mr Speaker: Ahli² Yang Berhormat saya hendak menyatakan ada-lah Committee Supply bagi Supply Bill, 1966, maseh lagi membahathkan Kepala S. 63 bagi jadual Bill itu.

Meshuarat di-tanggohkan hingga pukul 9.30 pagi esok.

Meshuarat di-tanggohkan pada pukul 8.02 malam.